



Risalah Untuk Para Pesakit

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)

Tajuk	Risalah Untuk Para Pesakit
ISBN	978-975-432-093-4
Karangan	Badiuzzaman Said Nursi
Penterjemah	Anwar Fakhri Bin Omar
Senarai Penyunting	Adem Kilicman Khairul Anuar Bin Mohd Nayan Nur Nabilah Binti Azman Nurul Nadiyah Binti Khairul Anuar Normelisa Binti Mohd Yadi
Cetakan Pertama	2006
Cetakan Keempat	2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Alamat surat menyurat di Malaysia: No: A-8-4, Idaman Putera
Condominium, Jalan Jernai, 53100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : 0122769944 (Emre Yasar)
0176626110 (Ali Aydogan)

E-mail : emreyasar@yahoo.com
aydogan6366@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia: Kencana Sdn. Bhd. No.7, Jalan Lengkongan
Brunei, Jalan Pudu, 55100. Kuala Lumpur, Malaysia

RISALAH UNTUK PARA PESAKIT

Sebagai penawar, penenang dan penghibur jiwa



BEDIUZZAMAN SAID NURSI



***Penterjemah:
Ustaz Anwar Fakhri Bin Omar***



Isi Kandungan

Prakata.....	6
Risalah Untuk Para Pesakit	8
Peringatan Dan Permohonan Maaf.....	9
Rawatan Pertama.....	11
Rawatan Kedua.....	11
Rawatan Ketiga.....	13
Rawatan Keempat.....	14
Rawatan Kelima.....	16
Rawatan Keenam.....	18
Rawatan Keenam	20
Rawatan Ketujuh.....	21
Rawatan Kelapan.....	23
Rawatan Kesembilan.....	25
Rawatan Kesepuluh.....	26
Rawatan Kesebelas.....	28
Rawatan Kedua Belas.....	29
Rawatan Ketiga Belas.....	30
Rawatan Keempat Belas.....	33

Rawatan Kelima Belas.....	35
Rawatan Keenam Belas.....	36
Rawatan Ketujuh Belas	38
Rawatan Kelapan Belas.....	40
Rawatan Kesembilan Belas	43
Rawatan Kedua Puluh.....	46
Rawatan Kedua Puluh Satu.....	48
Rawatan Kedua Puluh Dua.....	49
Rawatan Kedua Puluh Tiga.....	51
Rawatan Kedua Puluh Empat.....	52
Rawatan Kedua Puluh Lima.....	53
Surat Takziah ke atas Kematian Anak.....	56
Surat Untuk Seorang Doktor.....	64
Kerdipan Kedua (Kisah Nabi Ayyub a.s.)	68
Penutup	84

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan inayat-Nya penterjemahan dan penyuntingan Risalah Pesakit telah selesai dibuat. Saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat termasuk penterjemah dan penyunting yang telah mengorbankan masa dan tenaga mereka.

Badiuzzaman Said Nursi (1887-1960) ialah seorang ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang melalui kehidupan di zaman akhir pemerintahan Khalifah Uthmaniyah dan di awal pemerintahan sekular kerajaan Republik Turkiye. Ulama yang tersohor ini berusaha membangunkan kembali masyarakat Islam Turkiye yang ketika itu telah tenggelam dalam pelbagai masalah keimanan dan duniawi hasil daripada kelemahan dan kejatuhan khalifah. Beliau mengambil pendekatan ajaran tasawuf yang diasaskan melalui tulisan khazanah Risalah al-Nur yang mempunyai pendekatan yang menyinari akal serta memujuk jiwa dan roh para pembaca. Buku ini adalah sebahagian daripada koleksi bab-bab kecil yang disusun semula oleh Ustaz

Badiuzzaman Said Nursi untuk dijadikan satu buku kecil yang memberikan rawatan maknawi bagi para pesakit dalam satu pendekatan yang penuh dengan penghibur, penenang dan kata-kata semangat bagi para pesakit. Saya merasakan kandungan yang ada dalam buku ini mempunyai preskripsi maknawi yang mampu memberi rawatan kerohanian dan mengurangkan kesakitan fizikal kepada ramai pesakit yang memerlukan jalan keluar daripada penyakit yang dialami.

Semoga segala usaha murni seperti ini dapat diteruskan dan dimanfaatkan oleh masyarakat serta mendapat keredaan AllahSWT.

Datuk Haji Wan Zahidi Wan Teh
Mufti Negeri Perak

Risalah Untuk Para Pesakit

Risalah ini terdiri daripada dua puluh lima penawar. Ia telah ditulis sebagai balsam, penghibur, dan preskripsi untuk pesakit supaya kita dapat menziarah mereka dan mendoakan mereka agar cepat sembuh.

Peringatan Dan Permohonan Maaf

Penulisan preskripsi maknawi ini dilakukan lebih cepat daripada seluruh tulisan-tulisan kami yang lain¹. Oleh sebab kesempitan waktu, pembetulan dan pemeriksaan risalah ini juga hanya memakan masa yang singkat sebagaimana penulisannya, tidak seperti risalah-risalah yang lain. Saya hanya sempat memberikan pendapat sepintas lalu sahaja terhadap risalah ini. Oleh itu, risalah ini tetap mempunyai beberapa kekurangan sebagaimana drafnya yang pertama. Kami dapati ia juga tidak memerlukan pembetulan dan pemeriksaan semula terhadap risalah ini kerana segala lintasan-lintasan yang mendatangi hati dalam bentuknya yang fitrah seharusnya tidak dirosakkan dengan usaha yang semata-mata mahu mengindahkan kata-kata sahaja. Saya berharap agar para pembaca terutamanya para pesakit tidak merasa bosan dengan ungkapan dan ayat-ayat keras yang terdapat di dalam risalah ini. Bahkan sebaliknya saya berharap agar mereka sentiasa mendoakan kesejahteraan buat saya.

Said Nursi

1. Beberapa orang murid pertama yang menyalin Risalah al-Nur telah menyaksikan bahawa penulisan risalah ini hanya memakan masa selama empat setengah jam sahaja. Mereka ialah Rushdi, Ra'fat, Khasru dan Said. Semoga Allah melimpahi mereka dengan rahmat-Nya. (Penterjemah: Ihsan Qasim al-Salihi).

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

(al-Baqarah: 156)

Firman-Nya lagi:

وَالَّذِي هُوَ يُطْعَمُنِي وَيَسْقِينِي ﴿٧٩﴾ وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِي ﴿٨٠﴾

Maksudnya: “Dan Tuhan yang Dia lah jua memberiku makan dan memberi minum. Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku.”

(al-Shu’ara’: 79 & 80)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas rasul yang paling mulia.

Risalah ini merupakan penyembuh, penenang, penghibur dan preskripsi ubat maknawi buat para pesakit supaya dapat menziarahi mereka untuk mengucapkan penyembuhan

yang segera.

Di dalam risalah ini, kami menerangkan secara ringkas dua puluh lima rawatan atau ubatan. Rawatan atau ubatan itu boleh menjadi penghibur hakiki dan ubat sejati kepada mereka yang ditimpa bala dan musibah yang merupakan satu persepuluh daripada jumlah manusia.

Pengarang

Rawatan Pertama

Wahai pesakit, janganlah anda gelisah, bersabarlah! Sakit yang anda hadapi bukanlah penyakit buat anda, tetapi ia adalah sejenis rawatan. Hal ini disebabkan umur adalah modal seseorang yang sentiasa berkurangan dari semasa ke semasa. Jika tidak dilaburkan, ia pasti akan habis dengan cepat, terutamanya jika ia dihabiskan dengan kerehatan dan kealpaan. Jadi sakit akan memberikan keuntungan yang besar kepada modal yang dimiliki oleh seseorang dan tidak akan membenarkan umurnya dihabiskan dengan segera. Sakit akan melambatkan perjalanan langkah kehidupan, menahannya, memanjangkan umur dan akhirnya berhenti setelah membuahkan hasil. Oleh itu, masa menjadi panjang disebabkan penyakit, sehingga dikatakan: *“Aduhai, alangkah panjangnya masa bencana dan alangkah pendeknya masa kemewahan!”*

Rawatan Kedua

Wahai pesakit yang kurang sabar! Bersabarlah! Sesungguhnya bersyukurlah! Sakit yang anda alami boleh menukarkan setiap minit umur anda bersamaan setiap jam

ibadat. Hal ini adalah kerana ibadat terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Ibadah aktif iaitu yang dilakukan dengan anggota badan melalui solat, doa dan yang seumpamanya.

Kedua: Ibadah pasif seperti sakit dan musibah. Dalam hal ini, mereka yang ditimpa sakit atau musibah akan kembali tadarru' dan meminta perlindungan kepada Allah, Tuhan yang menciptanya, mengharapkan pertolongannya dan memohon bantuan-Nya. Semua ini bertitik tolak daripada perasaannya yang merasakan dirinya lemah ketika berhadapan dengan pelbagai jenis penyakit dan musibah. Dengan tadarru' tersebut dia akan memperoleh suatu ibadat maknawi yang ikhlas dan suci daripada sebarang kepura-puraan. Memang terdapat beberapa riwayat sahih yang mengatakan bahawa umur seseorang mukmin yang dilalui dengan sakit adalah dianggap sebagai ibadat², tetapi dengan syarat tidak berkeluh-kesah dan berputus asa dengan rahmat Allah SWT. Beberapa riwayat yang sahih dan kasyaf yang hakiki telah menunjukkan bahawa dengan hanya satu minit sahaja daripada kesakitan yang dihadapi oleh sebahagian orang yang bersyukur dan sabar adalah dianggap menyamai satu jam ibadat yang sempurna bagi mereka. Sebagaimana satu minit daripada kesakitan yang

2. Rasulullah SAW bersabda: *“Jika Allah menguji seseorang hamba muslim pada tubuh badannya, Allah Yang Maha Agung berkata: Tulislah baginya amalan yang soleh. Jika Allah menyembuhkannya daripada penyakit itu, dia akan menjadi bersih dan suci. Akan tetapi, jika Allah mematikannya dengan sebab penyakit itu, Allah akan mengampuni dan merahmatinya.”* Diriwayatkan oleh Ahmad Sahih al-Jami' al-Saghir dan tambahannya, hlm. 256 dan al-Irwa', hlm. 553.

dihadapi oleh sebahagian daripada orang-orang yang telah mencapai tahap kesempurnaan dianggap menyamai satu hari ibadat yang sempurna.

Janganlah anda ragu-ragu bahawa satu minit daripada kesukaran yang anda hadapi disebabkan sesuatu penyakit boleh menjadi seribu minit dan dapat memanjangkan umur anda, bahkan anda hendaklah mensyukurinya.

Rawatan Ketiga

Wahai pesakit yang tidak mampu bersabar! Tujuan kehadiran manusia ke dunia ini bukanlah hanya untuk bersenang-lenang dengan segala nikmat.

Buktinya: Anda dapati setiap yang hidup pasti akan meninggalkan dunia ini. Setiap yang muda akan menjadi tua. Setiap orang pasti akan merasakan kehilangan dan perpisahan dengan orang yang tersayang. Dalam masa yang sama anda dapati manusia ialah makhluk bernyawa yang paling sempurna, mulia dan mempunyai bekalan yang paling mencukupi, bahkan dia ialah khalifah kepada seluruh makhluk yang lain. Namun begitu, pelbagai penyakit dan kesakitan tetap akan menerjah kehidupannya ketika dia asyik memikirkan tentang kelazatan-kelazatan yang diperolehnya pada masa lalu dan bala bencana yang akan dihadapinya pada masa hadapan, lalu dia terpaksa menjalani kehidupannya dalam keadaan kesulitan yang perit dan kacau-bilau seolah-olah dicampakkan ke lembah yang lebih hina daripada kehidupan haiwan.

Oleh itu, manusia datang ke dunia ini bukan untuk hidup dengan penuh keselesaan dan kenikmatan, bahkan

kedatangannya ke dunia ini bertujuan agar dia memperoleh kebahagiaan hidup yang abadi melalui jalan perniagaan, iaitu dengan melaburkan umurnya sebagai modal yang besar. Jika seseorang itu tidak menghadapi penyakit, dia akan hidup dalam kealpaan kerana sentiasa berada dalam keadaan sihat wal afiat. Pada pandangannya, dunia adalah suatu yang indah dan lazat. Pada ketika itu, dia akan ditimpa penyakit lupakan akhirat. Dia menjadi benci untuk mengingati mati dan kubur. Dia mensia-siakan modalnya yang amat berharga itu. Dengan itu, datangnya penyakit dapat membukakan matanya serta-merta. Seolah-olah penyakit itu berkata: “Anda tidak akan kekal hidup dan anda tidak dibenarkan untuk berbuat apa sahaja. Anda mempunyai tanggungjawab, oleh itu janganlah anda sombong. Ingatlah sentiasa Tuhan yang mencipta anda. Ketahuilah bahawa anda akan menuju ke kubur. Oleh itu, persiapkanlah diri anda untuk ke sana!”

Maka penyakit berperanan sebagai seorang penasihat dan pemberi peringatan. Lantaran itu, tidak perlulah anda berkeluh-kesah jika penyakit mendatangi anda, bahkan anda patut bersyukur. Jika penyakit yang anda hadapi itu tidak terlalu kuat, maka hendaklah anda bersabar menghadapinya.

Rawatan Keempat

Wahai pesakit yang mengadu kesakitan! Ketahuilah bahawa anda tidak berhak untuk mengadu. Anda hanya berkewajipan untuk bersyukur dan bersabar. Hal ini demikian kerana anggota tubuh badan luaran dan dalaman anda, bahkan diri anda sendiri bukanlah milik anda. Anda

tidak membuat atau menciptanya sendiri. Anda juga tidak membelinya daripada mana-mana syarikat atau kilang. Oleh itu, pemiliknya sahajalah yang boleh melakukan apa-apa sahaja yang dikehendakinya terhadap barangan miliknya, sebagaimana yang telah diterangkan dalam Kalimah Ke-26 yang khusus membincangkan tentang qadar. Dalam kalimah tersebut dinyatakan bahawa terdapat seorang ahli kraf tangan yang amat mahir dan kaya telah mengupah seorang lelaki miskin untuk menjadi model bagi mempamerkan barangan yang dibuatnya. Untuk menampilkan hasil buaatannya yang indah dan pengalamannya yang luas, dia memakaikan lelaki itu pakaian yang berhias dan dilengkapi dengan pelbagai perhiasan yang ditununya dengan penuh teliti dan indah. Dia juga melakukan pelbagai perkara dalam usaha untuk memperindah dan mencantikkan hasil buaatannya dengan kemahiran tinggi yang dimilikinya. Dia mula menggunting, menukarkan jenis kain yang digunakan, memanjang, memendek dan sebagainya pada pakaian tersebut.

Pada pendapat anda, adakah lelaki miskin yang mengambil upah itu berhak untuk berkata kepada ahli kraf tangan yang mahir itu: *“Anda telah menyusahkan dan membebankan saya kerana anda sentiasa menyuruh saya tunduk, berdiri dan duduk.”* Adakah anda berhak mengatakan bahawa ahli kraf tangan itu telah merosakkan keterampilan anda kerana selalu menggunting, memendek dan memanjangkan bahagian-bahagian tertentu pada pakaian tersebut? Adakah anda berhak mengatakan yang ahli kraf tangan itu tidak mengasihannya dan tidak adil?

Begitulah juga keadaannya dengan Tuhan *al-Musawwir* (Yang Maha Menentukan Bentuk Rupa Makhhluk-Nya)

yang telah memakaikan pakaian jasad kepada anda, wahai pesakit! Dia juga telah memberikan kepada anda pancaindera yang bernilai tinggi yang ditatahkan pada tubuh badan anda, seperti mata, telinga, akal dan jantung dengan menukarkan keadaan anda dan mempelbagaikan keadaan anda untuk memperlihatkan kepada anda *Asma al-Husna* dari *al-Sani'* (Yang Maha Pencipta) lagi *Zul Jalal* (Yang Maha Agung). Sebagaimana anda dapat memahami dan mendalami hakikat pengertian *ar-Razzaq* (Yang Maha Memberikan Rezeki) melalui pengalaman yang anda lalui ketika menghadapi kelaparan dan kebuluran, maka begitu juga anda akan dapat memahami dan mendalami hakikat pengertian *al-Syafi* (Yang Maha Menyembuhkan) ketika anda menghadapi sesuatu penyakit.

Sebahagian daripada hikmah *al-Asma al-Husna* akan tersingkap dan terzhahir melalui sakit dan musibah yang dihadapi. Ia juga akan memancarkan keindahan kerdipan cahaya yang memaparkan hikmah dan rahmat Ilahi. Ketika hijab tersingkap, maka di sebalik penyakit yang tidak disukai itu, anda akan menemui hakikat, keindahan yang mendalam dan disenangi oleh jiwa anda.

Rawatan Kelima

Wahai pesakit yang sedang mengalami kesakitan! Melalui pengalaman saya pada masa lalu, sekarang saya merasa sangat yakin bahawa penyakit yang dihadapi oleh segolongan manusia merupakan satu bentuk rahmat

Ilahi dan hadiah Yang Maha Mengasihani³. Beberapa orang pemuda telah berjumpa dengan saya pada lapan atau sembilan tahun yang lalu. Mereka meminta saya mendoakan kesihatan mereka daripada penyakit-penyakit yang dihadapi, sekalipun saya bukanlah orang yang layak berbuat demikian. Saya dapati sesetengah daripada mereka itu lebih banyak menghabiskan masa berfikir dan mengingati akhirat. Mereka tidak lagi mabuk dan tenggelam dalam kealpaan masa muda. Bahkan mereka sedikit sebanyak memelihara dan menjaga diri daripada terjerumus ke lembah nafsu kehaiwanan. Oleh itu, saya memperingatkan mereka bahawa penyakit yang masih boleh ditanggung itu sebenarnya ialah pemberian ihsan daripada Allah SWT. Saya berkata: *“Wahai saudaraku, saya tidak menentang penyakit yang anda hadapi! Saya juga tidak merasa kasihan terhadap anda sehingga membolehkan saya berdoa untuk anda. Apa yang saya harapkan adalah agar anda terus bersabar dan teguh pendirian menghadapi penyakit ini hingga akhirnya anda sembuh dan kembali sihat walafiat, kerana selepas penyakit ini selesai menjalankan tugasnya, Allah al-Khaliq (Tuhan Yang Maha Mencipta Anda) dan al-Rahim (Tuhan Yang Maha Pengasih) itu pasti akan menyembuhkan anda, insya-Allah.”* Saya juga berkata: *“Sesungguhnya sesetengah pemuda seperti anda sedang menggoncang dan meruntuhkan tiang kehidupan abadinya kerana mahu memperoleh kenikmatan zahir yang sementara*

3. Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: *“Sesiapa yang Allah menghendaki kebaikan baginya, maka dia akan dikenakan musibah.”* Diriwatikan oleh al-Bukhari dan Malik.

di atas dunia ini. Mereka hidup dalam kealpaan kerana kesihatan yang dimiliki. Bagi mereka, kesihatan itu ialah bala sebenarnya. Mereka meninggalkan solat, lupa kepada kematian dan lalai daripada melaksanakan perintah Allah SWT. Akan tetapi melalui penyakit yang dihidapi, anda dapat melihat kubur iaitu tempat persinggahan yang anda sama sekali tidak dapat melarikan diri daripadanya suatu hari nanti. Di samping itu, anda juga dapat melihat segala tempat-tempat persinggahan akhirat yang lain. Oleh itu, segala tindakan dan perlakuan anda adalah berdasarkan apa yang anda lihat itu. Sebenarnya, penyakit ibarat kesihatan bagi anda. Manakala kesihatan yang sedang dinikmati oleh sebahagian manusia pula adalah penyakit buat mereka.”

Rawatan Keenam

Wahai pesakit yang mengadu penderitaan! Saya berkata kepada anda: *“Fikirkanlah kehidupan anda yang lampau, hari-hari lalu yang bahagia dan penuh kenikmatan serta waktu-waktu yang mencabar dan penuh kesulitan!”* Sudah pasti sama ada anda akan menarik nafas lega atau mengeluh mengenangkan waktu-waktu tersebut, iaitu sama ada anda akan menarik nafas lega sambil berkata: *“Segala puji bagi Allah dan syukur kepada-Nya.”* atau anda akan berkata: *“Alangkah sedihnya! Alangkah dukacitanya!”* Lihatlah bagaimana penyakit dan bencana yang anda hadapi dahulu, apabila ia terlintas di dalam fikiran, anda akan mengucapkan alhamdulillah dan anda sendiri akan diselubungi kelazatan maknawi (kelazatan rohani). Hal ini disebabkan kehilangan kesakitan atau sembuh daripada penyakit akan melahirkan kelazatan dan kegembiraan. Dengan kesembuhan dan

kehilangan penyakit itu, tempatnya diganti atau ditanam dengan kelazatan tersembunyi di dalam jiwa. Apabila sahaja situasi ini diingati kembali, ia membuahkan rasa kemanisan dan kegembiraan yang mendorong kepada kesyukuran dan pujian Ilahi, kerana kehilangan kesakitan melahirkan kelazatan dan kegembiraan. Malah kehilangan kesakitan dan musibah akan menyebabkan tertanamnya kelazatan tersembunyi di dalam jiwa. Apabila terlintas di dalam fikiran bahawa suatu jiwa telah terkeluar daripada bebanan kesakitan, maka ia akan memperoleh kemanisan dan kegembiraan yang melahirkan pujian dan kesyukuran.

Manakala suasana kelazatan dan kejernihan yang anda telah alami dahulu, dan situasi tersebut sedang diliputi debu dan asap kesakitan lalu menyebabkan anda berkata: "*Alangkah sakitnya! Alangkah pedihnya!*", maka ia berlaku kerana kehilangan nikmat tersebut yang seterusnya menyebabkan kesakitan tersembunyi yang berpanjangan di dalam roh. Kesakitan ini akan berulang sengatannya jika ia diingati kembali meskipun hanya melalui fikiran yang sebentar terhadap kehilangan nikmat yang diperoleh. Oleh itu, air mata kesedihan dan kedukacitaan akan terhambur keluar.

Kelazatan selama satu hari yang diperoleh melalui jalan yang menyalahi syarak, kadang-kadang akan menyebabkan seseorang berada dalam keadaan kesakitan maknawi (kesakitan rohani) selama setahun genap. Begitu juga kesakitan yang terhasil daripada penyakit sementara yang dialami selama sehari akan membuahkan kelazatan maknawi (kelazatan rohani) selama beberapa hari, kerana ia diselangi dengan ganjaran pahala. Ia juga membuahkan

kelazatan maknawi (kelazatan rohani) yang lahir daripada kesembuhan penyakit tersebut. Oleh itu, anda hendaklah benar-benar mengingati akan natijah penyakit sementara yang anda alami. Fikirkanlah tentang besarnya ganjaran pahala yang akan terhasil melalui penyakit yang anda hadapi. Bersyukurlah dan bukan mengadu kesakitan. Katakanlah: “*Wahai jiwa, keadaan ini juga akan berubah!*”

Rawatan Keenam⁴

Wahai saudaraku yang gundah-gulana akibat penyakit yang disebabkan oleh terkenangkan kelazatan dan kenikmatan dunia! Jika dunia ini memang benar akan kekal selama-lamanya, jika kematian benar-benar dapat dielakkan, jika taufan perpisahan dan kehilangan benar-benar akan berhenti bertiup selepas ini, jika masa hadapan akan melenyapkan musim dingin yang mencengkam, nescaya saya akan turut menyertai anda dan bersedih menangi keadaan anda. Akan tetapi oleh kerana dunia ini akan mengeluarkan kita daripadanya dengan berkata: “*Ayuh, keluarlah!*”, dan ia memekakkan telinganya daripada mendengar pekikan dan jeritan meminta tolong daripada kita, maka kita hendaklah meninggalkan perasaan cinta dan keinginan untuk tinggal kekal di dalamnya sebelum ia menghalau dan meninggalkan kita. Caranya adalah dengan kita mengambil bekalan daripada kesedaran

4. Secara tidak disengajakan, sinaran ini diilhamkan kepadaku dalam keadaan di mana dua rawatan dimasukkan sebagai Rawatan Keenam. Kami tidak membuat apa-apa pindaan kerana tidak mahu mengubah keadaan asalnya disebabkan kami berpendapat mungkin ada sesuatu yang terkandung di sebaliknya.

yang dibangkitkan oleh penyakit dan berusaha untuk mengosongkan hati dan perasaan kita daripada dunia sebelum dunia meninggalkan kita.

Ya, penyakit membisikkan ke dalam sanubari kita dengan berkata:

“Binaan badan anda bukan diperbuat daripada batu yang keras atau diperbuat daripada besi, bahkan ia diperbuat daripada pelbagai bahan yang akan binasa. Oleh itu, tidak perlulah anda bermegah. Sedarilah kelemahan anda. Kenalilah Pemilik yang memiliki anda. Fahamilah tugas anda. Pelajarilah hikmah dan tujuan anda datang ke dunia ini.”

Lagipun, kenikmatan dan kelazatan dunia ini tidak berkekalan, terutamanya jika ia diperolehi melalui jalan yang haram, ia akan menyebabkan perasaan menjadi sakit di samping mendapat balasan dosa. Oleh sebab itu, janganlah anda menangihi kehilangan nikmat tersebut kerana sakit yang anda hadapi, bahkan fikirkanlah tentang makna ibadat maknawi (ibadat rohani) yang terkandung di sebalik penyakit yang anda hadapi serta ganjaran pahala yang tersembunyi di akhirat kelak. Berusahalah untuk mencapai kenikmatan yang murni lagi indah itu.

Rawatan Ketujuh

Wahai pesakit yang kehilangan nikmat kesihatan! Sesungguhnya penyakit yang anda alami sebenarnya tidak menghilangkan kelazatan nikmat Ilahi, bahkan menambahkan lagi kelazatannya. Hal ini demikian kerana jika sesuatu itu berterusan dalam keadaan asalnya, ia akan

menyebabkan kehilangan rasa dan kesannya. Para ahli hakikat sepakat mengatakan: “*Sesuatu itu dikenali melalui perkara-perkara yang bertentangan atau berlawanan dengannya*”. Sebagai contoh, jika tidak kerana kegelapan, nescaya cahaya tidak dapat dikenali dan kita tidak dapat merasakan kenikmatannya. Jika tidak kerana kedinginannya, nescaya kehangatan tidak dapat dikenali dan kita tidak dapat merasai kenikmatannya. Jika tidak kerana lapar, nescaya kita tidak dapat merasakan kelazatan makanan. Jika tidak kerana kehausan, nescaya kita tidak dapat merasakan kelazatan memuncak ketika menghirup air. Jika tidak kerana penyakit, nescaya kesihatan yang kita alami tidak mempunyai apa-apa kenikmatan.

Al-Fatir (Allah Yang Maha Mencipta) dan *al-Hakim* (Yang Maha Bijaksana) mahu agar manusia dapat merasai dan mengecapi pelbagai jenis kenikmatan dan kelazatan yang dikurniakan-Nya. Maka Dia menyediakan terlalu banyak peralatan pada diri manusia agar ia dapat merasai dan mengecapinya. Oleh itu, Dia menurunkan pelbagai jenis penyakit sebagaimana Dia juga memberikan pelbagai nikmat kesihatan dan aflat untuk membiasakan dan mendorong manusia agar sentiasa bersyukur kepada-Nya.

Saya ingin bertanya kepada anda: “*Jika bukan kerana rasa sakit yang menimpa kepala, tangan atau perut anda, adakah anda mampu untuk merasa kenikmatan yang tersembunyi di sebalik kesihatan yang terdapat pada kepala, tangan atau perut anda? Adakah anda dapat merasakan kenikmatan tersebut, seterusnya bersyukur terhadap nikmat Ilahi itu? Sudah pasti, anda tidak akan pernah terfikir berkenaannya, apatah lagi untuk bersyukur.*”

Malah tanpa disedari anda akan menghabiskan kesihatan anda dengan melakukan perkara yang menyalahi syarak dan sia-sia”.

Rawatan Kelapan

Wahai pesakit yang mengingati akhiratnya! Sebenarnya sakit yang anda alami membersihkan dosa anda umpama tindakan penyucian sebuku sabun. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam sebuah hadis sahih bahawa penyakit merupakan penebus dosa dan maksiat yang telah dilakukan. Dalam sebuah hadis lain, Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُصِيبُهُ أَدْوَى إِلَّا حَاتَّ اللَّهُ عَنْهُ خَطَايَاهُ كَمَا تَحَاتُّ وَرَقُ الشَّجَرِ.

Maksudnya: “Tiada seorang muslim yang ditimpa kesakitan, melainkan Allah akan menggugurkan kesalahan kesalahannya, sebagaimana dedaunan yang gugur.”⁵

Dosa ialah penyakit yang kronik dalam kehidupan yang abadi, manakala dalam kehidupan dunia ini, ia merupakan penyakit maknawi (penyakit rohani) yang menimpa hati, perasaan dan roh. Jika anda bersabar dan tidak mengadu, maka anda akan terselamat daripada penyakit-penyakit yang mendatang. Jika anda lalai terhadap dosa-dosa anda, lupa terhadap akhirat dan cuai terhadap Tuhan, saya menegaskan bahawa anda pasti akan menghadapi penyakit yang berbahaya, ia lebih besar berjuta kali ganda daripada penyakit-penyakit yang sedang dialami sekarang.

5. Diriwayatkan oleh al-Bukhari, kitab al-Mardha wa al-Tibb. (Ihsan Qasim al-Salihi)

Menjeritlah meminta pertolongan terhadap penyakit yang berbahaya itu kerana seluruh makhluk yang wujud di dunia ini mempunyai hubungan dengan hati, roh dan jiwa anda. Malahan juga segala hubungan tersebut akan tercantas oleh pedang perpisahan dan kematian lalu menyebabkan anda mengalami luka yang dalam. Keadaan akan menjadi lebih buruk jika anda merasakan kematian itu bersifat kekal kerana anda tidak mengenali akhirat. Pada saat itu, anda seolah-olah merasai kesakitan dan mempunyai luka sebesar dunia ini. Oleh itu, perkara pertama yang perlu anda lakukan ialah mencari penawar keimanan bagi merawat pelbagai penyakit dan luka yang tidak terhitung banyaknya itu, maka anda hendaklah memperbaiki dan memperbetulkan keimanan anda. Ketahuilah jalan yang paling mudah untuk mencapai rawatan tersebut adalah dengan cara mengintai dan menjenguk melalui tingkap 'kelemahan' dan 'kefakiran' penyakit fizikal yang sedang anda hadapi. Dengan itu, anda akan dapat mengenal kekuasaan dan rahmat luas Allah *al-Qadir* (Yang Maha Berkuasa) lagi *al-Jalal* (Yang Maha Agung).

Orang yang tidak mengenal Allah akan menanggung gundah-gulana dan bala bencana seluas dunia dan segala isinya. Sebaliknya, orang yang mengenal Tuhan, dunianya akan dipenuhi dengan cahaya dan kegembiraan maknawi (kegembiraan rohani). Hal ini dapat dirasakan melalui darjah kekuatan keimanan yang ada pada dirinya. Sesungguhnya penderitaan yang lahir daripada penyakit fizikal yang kecil ini akan lenyap dan tersungkur dihujani kegembiraan maknawi (kegembiraan rohani) dan penawar lazat yang terbit daripada keimanan ini.

Rawatan Kesembilan

Wahai pesakit yang mengenali Penciptanya! Sesungguhnya sebab timbulnya rasa kesakitan, perasaan ketakutan dan gundah-gulana akibat penyakit adalah kerana sesuatu penyakit kadang-kadang boleh membawa kepada kematian. Oleh sebab itu, menurut pandangan mereka yang lalai, kematian pada zahirnya merupakan suatu yang amat menakutkan dan menggerunkan. Maka, penyakit yang mungkin menjadi sebab kematian itu menyebabkan seseorang berada dalam keadaan bimbang dan keluh-kesah. Jadi, hendaklah anda mengetahui:

Pertama: Berimanlah dengan penuh keyakinan.

Sesungguhnya sesuatu ajal telah ditetapkan dan tidak akan berubah. Banyak kali telah berlaku, orang yang menangi pesakit yang berada dalam keadaan nazak terlebih dahulu mati daripada orang yang mereka tangisi itu, sedangkan mereka memiliki kesihatan yang amat baik. Akan tetapi, orang yang ditangi kerana menghidap penyakit yang boleh menyebabkan kematian itu disembuhkan oleh Allah lalu dia dapat hidup lebih lama.

Kedua: Kematian itu sendiri tidaklah menakutkan, sebagaimana yang kita lihat pada zahirnya.

Menerusi cahaya yang diberikan oleh al-Quran, banyak bahagian dalam Risalah al-Nur ini kami telah buktikan dengan bukti yang jelas tanpa ada sebarang keraguan dan kekeliruan bahawa kematian bagi seseorang mukmin itu ialah perlepasan dan berakhirnya bebanan daripada tugas kehidupan dan kesulitannya. Ia juga adalah suatu kerehatan

buat mereka daripada beribadat yang merupakan satu pengajaran dan latihan di medan dunia yang penuh dengan ujian ini. Kematian juga adalah pintu untuk menemui sembilan puluh sembilan kekasih dan teman rapat yang telah pergi terlebih dahulu ke alam akhirat. Kematian juga ialah cara untuk memasuki tanah air yang hakiki lagi abadi bagi memperoleh kebahagiaan yang kekal. Kematian juga ialah jempunan untuk berpindah dari penjara dunia ke taman-taman dan kebun-kebun syurga. Kematian juga adalah suatu masa untuk menerima ganjaran daripada kemurahan Tuhan *al-Khaliq* (Yang Maha Mencipta) lagi *ar-Rahim* (Yang Maha Mengasihani).

Oleh kerana demikianlah keadaan kematian dari sudut hakikat, maka tidak sepatutnya ia dilihat sebagai sesuatu yang amat menakutkan. Bahkan wajib kita menganggapnya sebagai berita gembira untuk memperolehi rahmat dan kebahagiaan. Seheinggakan ketakutan sesetengah wali Allah bukanlah terhadap kematian yang ganas dan dahsyat itu, tetapi adalah kerana mereka masih ingin memperolehi dan membuat lebih banyak kebaikan dan kebajikan dengan melanjutkan tempoh masa supaya mereka boleh meneruskan tugas kehidupan.

Ya! Memang kematian bagi ahli keimanan ialah pintu rahmat. Tetapi bagi ahli kesesatan, ia adalah perigi gelap yang abadi.

Rawatan Kesepuluh

Wahai pesakit yang gelisah tanpa sebab! Anda sebenarnya berasa gelisah terhadap keterukan penyakit anda dan kegelisahan itu hanya akan menambahkan lagi beban sakit

yang sudah sedia ada. Jika anda ingin meringankan beban kesakitan yang dialami, anda hendaklah cuba untuk tidak gelisah dengan cara berfikir tentang faedah dan ganjaran yang anda akan peroleh melalui penyakit yang dihadapi. Dengan cara ini anda dapat menghilangkan kegelisahan dan seterusnya menyembuhkan penyakit yang anda alami sehingga ke akar umbi.

Ya, memang kegelisahan akan menambahkan kesakitan menjadi dua kali ganda. Hal ini demikian kerana kegelisahan akan menyebabkan penyakit maknawi (penyakit rohani) masuk ke dalam hati di sebalik penyakit fizikal yang anda hadapi. Oleh sebab itu, penyakit fizikal yang anda hadapi akan bertapak dan berkekalan. Akan tetapi, jika anda menghilangkan kegelisahan dan segala bisikan hati yang tidak baik itu dengan berserah kepada Allah dan reda dengan segala ketetapan-Nya, juga dengan mengingati hikmah yang diperoleh melalui sakit yang dialami, maka penyakit zahir anda itu akan menjadi lebih ringan dan sebahagiannya akan hilang. Kadangkala penyakit fizikal yang ringan akan meningkat sebanyak sepuluh kali ganda disebabkan oleh kegelisahan. Namun begitu, jika perasaan gelisah itu dihilangkan, sembilan persepuluh daripada kesan penyakit tersebut akan hilang. Sebagaimana kegelisahan akan menambahkan lagi sakit, begitu juga ia seumpama mengkritik hikmah dan rahmat Ilahi serta mengadu kesakitan kepada Tuhannya *al-Khaliq* (Yang Maha Mencipta) lagi *ar-Rahim* (Maha Mengasihani), lalu disebabkan perbuatannya itu menambahkan lagi penyakitnya yang berlawanan daripada apa yang dihajati. Ya, sebagaimana bersyukur akan menambahkan nikmat,

maka begitu juga merungut akan menambahkan lagi sakit dan musibah. Selain itu, gelisah itu sendiri ialah penyakit. Rawatan untuknya adalah dengan mengetahui hikmah dan tujuan penyakit yang dialami itu. Jika anda mengetahui hikmah dan faedahnya, anda akan dapat merawat kegelisahan anda itu dan memperoleh kelegaan. Oleh itu, bersyukurlah dengan berkata: “*Segala puji bagi Allah terhadap segala perkara*”, daripada mengeluh dengan berkata: “Aduh!”.

Rawatan Kesebelas

Wahai saudara pesakit yang tidak sabar! Walaupun penyakit menyebabkan anda menderita serta-merta, namun setelah hilangnya penyakit pada masa lalu sehingga ke hari ini anda akan memperoleh kelazatan rohani dan kebahagiaan yang dapat membangkitkan semula semangat. Ia juga merupakan ganjaran yang diterima setelah anda menanggung kesakitan. Mulai hari ini dan seterusnya, bahkan bermula detik ini, tiada lagi penyakit dan kesengsaraan yang akan wujud. Malah, jika tidak ada penyakit, maka tiada lagi kesedihan yang akan wujud. Anda menjadi tidak sabar disebabkan anda mempunyai sangkaan yang salah terhadap beberapa perkara. Hal ini demikian kerana, penyakit yang lalu telah hilang bersama kesengsaraannya, dan kini yang tinggal hanyalah pahala dan kesenangan. Sepatutnya penyakit memberi anda keuntungan dan kebahagiaan, namun adalah suatu kebodohan jika anda terus memikirkan masa lalu dan berasa sedih serta tidak sabar. Tambahan pula, hari-hari mendatang masih belum tiba. Bukankah suatu kebodohan jika sekarang ini kita menyibukkan diri dengan membayangkan hari yang tidak

wujud, penyakit yang belum berlaku dan juga kesakitan yang belum terhasil? Bukankah ia suatu kebodohan jika anda memberikan gambaran terhadap tiga perkara yang belum wujud itu? Oleh sebab waktu sakit yang telah berlalu itu mendatangkan kegembiraan, dan oleh sebab masa akan datang masih belum wujud, maka penyakit dan kesakitan juga dianggap tiada.

Janganlah anda membazirkan kekuatan kesabaran yang dikurniakan oleh Allah kepada anda dengan menghamburkannya ke kiri dan ke kanan! Bahkan, himpunkanlah ia dalam menghadapi kesakitan yang anda alami kini dengan berkata: “Wahai al-Sabur (Yang Maha Sabar)!”, dan bertahanlah wahai saudaraku dengan kesakitan itu.

Rawatan Kedua Belas

Wahai pesakit yang tidak dapat beribadat dan melakukan wirid-wirid yang lain kerana sakit! Wahai pesakit yang berdukacita kerana tidak dapat melakukannya! Ketahuilah bahawa terdapat di dalam hadis yang mulia⁶, seseorang mukmin yang bertakwa akan terus menerima pahala amalan ibadah yang dilakukannya meskipun ketika dia sedang sakit. Keadaan sakitnya tidak menghalang dia daripada terus memperoleh pahala. Seseorang pesakit yang menunaikan ibadah fardu sekadar kemampuannya dengan

6. Daripada Abu Musa al-Ash'ari, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: “*Apabila seseorang hamba sakit atau bermusafir, Allah SWT akan menulis pahala baginya sebagaimana yang dia biasa lakukan ketika berada dalam keadaan bermukim dan sihat.*” Diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Bukhari.

penuh kesabaran dan tawakal, maka keadaan sakitnya itu dapat menggantikan seluruh ibadah sunat ketika dia berada dalam keadaan yang amat sakit. Tambahan pula, penyakit juga membuatkan seseorang memahami kelemahan dan ketidakupayaan dirinya, lalu menyebabkan dia berdoa kepada Allah dengan kelemahan dan ketidakupayaannya itu. Allah SWT juga mengurniakan kelemahan dan ketidakupayaan yang tidak terbatas kepada manusia agar dia sentiasa berdoa ke hadrat Ilahi dengan penuh pengharapan dan rayuan. Berdasarkan kandungan ayat suci al-Quran:

قُلْ مَا يَغْبُونَ بِكُمْ رَبِّي لَوْلَا دُعَاؤُكُمْ... ﴿٧٧﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): *“Tuhanku tidak akan menghargai kamu kalau tidak adanya doa ibadat kamu kepadaNya.”* (al-Furqan: 77)

Oleh sebab penyakit adalah penyebab manusia memohon doa yang ikhlas, maka tidak layak baginya untuk mengeluh bahkan dia wajib bersyukur kepada Allah, dan tidak sepatutnya sumber air bagi doa yang dipancarkan oleh penyakit dikeringkan setelah memperoleh kesembuhan.

Rawatan Ketiga Belas

Wahai orang yang berdukacita yang mengadu kesakitan! Bagi sesetengah orang, sakit ialah khazanah yang amat berharga dan hadiah yang amat bernilai daripada Ilahi. Setiap pesakit boleh menggambarkan sakit yang dihadapinya seperti ini. Hikmah Ilahi menetapkan agar ajal tidak diketahui ketibaannya bagi menyelamatkan manusia

daripada kekecewaan dan kelalaian mutlak, serta bagi mengekalkan manusia agar terus berada dalam keadaan antara takut dan harap, juga bagi memelihara dunia dan akhiratnya daripada terhumban ke dalam gaung kerugian. Ajal akan tiba pada bila-bila masa, jika ajal mendatangi seseorang yang sedang tenggelam dalam kelalaian, maka ajal itu akan menyebabkan dia mendapat kecelakaan yang besar dalam kehidupan abadinya. Maka sakit yang dialami dapat melenyapkan kelalaian tersebut iaitu ia akan membuatkan seseorang itu mengingati akhirat dan menghadirkan keadaan kematian lalu dia memikirkan kematian dan menyebabkan dia dapat bersiap sedia bagi menghadapi kematian tersebut. Bahkan sesetengah penyakit akan memberikannya keuntungan yang besar sehinggakan dia mencapai tingkatan yang tinggi dalam masa dua puluh hari, apa yang tidak mungkin dicapainya dalam masa dua puluh tahun.

Sebagai contoh terdapat dua orang pemuda (semoga Allah merahmati kedua-duanya) yang merupakan murid saya. Pemuda pertama bernama Sabri dari kampung Ilama dan seorang lagi bernama Vezirzade Mustafa dari kampung Islamköy. Meskipun kedua-duanya buta huruf, namun saya amat kagum dengan keikhlasan dan khidmat besar mereka terhadap keimanan sehingga saya menganggap mereka sebagai golongan kelas pertama. Pada ketika itu, saya tidak mengetahui hikmahnya, tetapi selepas kematian mereka, saya mendapat tahu mereka berdua menghadapi penyakit kronik. Melalui petunjuk daripada penyakit tersebut mereka menjadi orang yang amat bertakwa dan sentiasa berusaha untuk memberikan khidmat mulia yang

memberikan manfaat kepada kehidupan akhirat mereka, berbeza dengan para pemuda lain yang lalai meninggalkan ibadah fardu. Insya-Allah, dua tahun kesukaran dan kesakitan yang dialami oleh mereka semasa hidup di dunia akan digantikan dengan jutaan tahun kebahagiaan hidup yang abadi di akhirat nanti. Hanya sekarang barulah saya faham bahawa doa saya untuk mereka selama ini agar memperoleh kesembuhan sebenarnya ialah celaan bagi kehidupan dunia mereka semata-mata. Insya-Allah, doa saya itu akan digantikan untuk kesejahteraan mereka di akhirat.

Oleh itu, menurut iktikad saya, mereka berdua akan memperoleh keuntungan yang menyamai hasil usaha dan ketakwaan yang dilakukan selama sepuluh tahun⁷. Akan tetapi, jika seperti sesetengah pemuda yang bergantung kepada masa muda dan kesihatan yang baik dengan melemparkan diri mereka ke dalam kelalaian dan dosa, kematian ini sebenarnya telah mencengkam mereka tepat di tengah-tengah kejijikan dosa yang akan menjadikan kubur mereka sebagai sarang kala jengking dan ular, bukannya tempat simpanan cahaya.

Oleh sebab penyakit mempunyai manfaat-manfaat ini, maka ia sama sekali tidak patut dikeluhkan, bahkan kita

7. Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: “*Seseorang lelaki mempunyai suatu kedudukan di sisi Allah SWT. Dia tidak mencapai kedudukan itu dengan amalan. Lalu Allah mengujinya dengan sesuatu yang tidak disukainya, sehingga akhirnya dia mencapai kedudukan tersebut.*” Hadis hasan. Diriwayatkan oleh Abu Ya’la di dalam Musnadnya 4/1447, Ibnu Hibban di dalam Sahihnya 293, al-Hakim 1/344 dan lihat juga al-Ahadith al-Sahihah 1599.

hendaklah bersabar, bertawakal, bersyukur dan mempunyai keyakinan terhadap rahmat Ilahi.

Rawatan Keempat Belas

Wahai pesakit yang hilang penglihatan matanya! Jika anda mengetahui terdapat cahaya dan mata maknawi di sebalik katarak yang menutupi mata orang mukmin, maka anda akan berkata: *“Ribuan kesyukuran buat Tuhan saya ar-Rahim (Yang Maha Mengasihani).”* Saya akan menceritakan kepada anda suatu peristiwa yang akan menjelaskan penawar ini seperti berikut:

Pada suatu masa dahulu, Sulaiman dari Barla yang telah berkhidmat untuk saya selama lapan tahun dengan penuh kerelaan dan kesetiaan mempunyai seorang ibu saudara yang telah menjadi buta. Wanita yang solehah itu terlalu bersangka baik terhadap saya melebihi seratus kali ganda apa yang patut saya terima. Beliau mendapatkan saya di pintu masjid dan meminta saya untuk mendoakan agar kesembuhan penglihatannya dikembalikan. Justeru, saya berdo'a kepada Allah dengan menjadikan kesolehan wanita beriman itu sebagai syafaat dan penguat doa saya. Saya berdo'a kepada Allah dengan penuh tadarru' dengan berkata: *“Ya Allah, ya Tuhan kami, dengan kelebihan kesolehan wanita ini, kembalikanlah penglihatannya!”* Dua hari kemudian, seorang doktor pakar mata dari wilayah Burdur datang merawat wanita itu, lalu Allah mengembalikan penglihatannya. Akan tetapi, empat puluh hari kemudian, matanya kembali tidak dapat melihat semula. Saya merasa amat dukacita dan banyak berdo'a. Insya-Allah, doa saya itu akan dimakbulkan di akhirat nanti, kerana jika tidak

demikian, doa saya itu akan menjadi bencana terhadapnya. Namun wanita itu hanya hidup empat puluh hari sahaja selepas itu, kerana beliau telah kembali menemui Tuhannya.

Oleh itu, sebagai ganti kepada kesedihan wanita yang melihat taman Barla dengan mata tuanya, akan mendapat keuntungan melihat taman-taman syurga selama empat puluh ribu hari di dalam kuburnya kerana keimanannya yang amat mendalam dan kesolehannya yang tinggi.

Ya, sesungguhnya apabila seseorang mukmin hilang penglihatan matanya dan memasuki kubur dalam keadaan buta, maka dia mampu melihat *alam nur* yang penuh dengan cahaya berdasarkan darjat dengan pandangan yang lebih luas daripada pandangan ahli kubur yang lain. Sebagaimana kita dapat melihat banyak benda di dunia ini yang tidak dapat dilihat oleh orang mukmin yang buta, maka sekiranya orang mukmin yang buta itu mati dalam keimanan, mereka dapat melihat di kubur lebih banyak lagi daripada ahli kubur yang lain. Seumpama mereka sedang menyaksikan taman-taman syurga menggunakan teleskop yang paling berkuasa tinggi seperti di pawagam, berdasarkan darjat keimanan mereka.

Oleh itu, melalui kesyukuran dan kesabaran anda dapat melihat di sebalik hijab mata anda sekarang terdapat mata yang dipenuhi dengan cahaya. Melaluinya juga anda dapat melihat syurga di atas langit ketika anda berada di bawah bumi. Ketahuilah bahawa doktor mata yang dapat membuang hijab mata anda itu agar anda dapat melihat adalah al-Quran al-Karim.

Rawatan Kelima Belas

Wahai pesakit yang mengaduh dan mengeluh kesakitan, janganlah anda berkeluh-kesah dengan melihat kepada luaran penyakit anda itu, namun lihatlah pada pengertian di sebalik penyakit tersebut dan bergembiralah! Jika penyakit tidak mengandungi sesuatu pengertian yang indah, nescaya Allah *al-Khaliq* (Yang Maha Mencipta) lagi *ar-Rahim* (Maha Mengasihani) tidak akan berikannya kepada hambanya yang paling dikasihi. Disebutkan dalam sebuah hadis:

أَشَدُّ النَّاسِ بَلَاءَ الْأَنْبِيَاءِ ، ثُمَّ الْأَوْلِيَاءِ ، ثُمَّ الْأَمْثَلُ فَالْأَمْثَلُ

Maksudnya: “Golongan manakah yang paling banyak terkena bala? Maka Nabi SAW bersabda: Mereka ialah para nabi, kemudian para wali, dan golongan yang seumpama mereka dan begitulah seterusnya” .

Dengan erti kata lain, “Orang yang paling banyak ditimpa kesusahan dan kesukaran ialah orang yang paling baik dan paling sempurna”. Terutama sekali Nabi Ayyub a.s., para nabi yang lain, para wali, dan para solihin yang telah menganggap penyakit yang dideritai oleh mereka sebagai suatu ibadat yang ikhlas dan hadiah daripada *ar-Rahim* (Yang Maha Pengasih), bahkan mereka bersyukur kepada-Nya dalam kesabaran. Mereka melihatnya sebagai suatu operasi pembedahan yang dilakukan oleh Allah *al-Khaliq* (Yang Maha Mencipta) lagi *ar-Rahim* (Yang Maha Mengasihani).

Wahai saudara yang menangis dan meratap! Jika anda

ingin menyertai kafilah cahaya ini, maka bersyukurlah dalam kesabaran. Malahan, jika anda merungut, maka mereka tidak akan menerima anda. Anda akan terjermus ke dalam lubang golongan yang sesat dan menempuh jalan yang gelap.

Ya, ada beberapa penyakit yang jika ia membawa kepada kematian, ia umpama syahid sehingga mencapai salah satu maqam kewalian. Sebagai contoh, mereka yang mati akibat kesakitan melahirkan anak, penyakit di bahagian perut, lemas, terbakar dan wabak, semuanya itu mati syahid secara maknawi. Terdapat juga banyak penyakit yang dirahmati apabila mengakibatkan kematian, ia akan menyebabkan orang yang menghidapnya memperoleh darjat wali di sisi Allah.

Di samping penyakit boleh mengurangkan kecintaan kepada dunia dan keterikatan dengannya, ia juga boleh meringankan perpisahan dari dunia melalui kematian, kerana secara duniawi ia adalah amat sedih dan pedih, malah kadangkala ia diingini.

Rawatan Keenam Belas

Wahai pesakit yang mengadu kegelisahan! Penyakit membangkitkan rasa hormat-menghormati dan perasaan kasih sayang yang merupakan suatu perkara yang penting dan mulia dalam kehidupan sosial manusia. Hal ini demikian kerana, ia boleh menyelamatkan manusia daripada bersifat tidak memerlukan kepada orang lain, yang menyebabkan dia tidak suka bersosial dan tiada perasaan belas kasihan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam al-Quran:

كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنَّاظٍ ﴿٦﴾ أَنْ رَأَاهُ اسْتَعْجَلٰ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajarnya). Dengan sebab dia melihat dirinya sudah cukup apa yang dikehendakinya”. (al-‘Alaq: 6-7)

Nafsu amarah yang merasakan dirinya ‘tidak memerlukan orang lain’ disebabkan kesihatan yang baik dan berpanjangan sehingga tidak akan memberikan penghormatan terhadap saudara yang memerlukannya. Ia juga tidak akan mempunyai perasaan belas kasihan terhadap saudaranya yang ditimpa musibah dan penyakit biarpun mereka layak menerima kebaikan dan simpati. Bila mana dia ditimpa sakit, dia akan memahami betapa lemah dirinya dan betapa dia memerlukan kepada orang lain. Dia akan memberikan penghormatan kepada saudara-saudaranya yang beriman yang layak diberikan penghormatan kerana menjaganya ketika sakit, atau yang menziarahinya ketika sakit. Dia juga akan memiliki perasaan belas kasihan insani yang merupakan suatu sifat keislaman yang penting terhadap mereka yang ditimpa musibah dan bala bencana. Melalui perbandingan keadaan dirinya dengan mereka, dia akan bersimpati dan merasa belas kasihan terhadap mereka dengan sebenar-benarnya. Jika mampu, maka dia akan menghulurkan bantuan kepada mereka. Jika tidak, dia mendoakan atau menziarahi serta bertanya khabar tentang keadaan mereka. Dengan itu, dia telah melaksanakan salah satu sunnah yang dituntut oleh syarak serta memperoleh ganjaran.

Rawatan Ketujuh Belas

Wahai pesakit yang mengadu kerana tidak dapat menjalankan kerja-kerja kebajikan, bersyukurlah! Penyakit itu boleh membuka pintu kebajikan yang paling tulus. Di samping penyakit boleh membawa pahala yang besar dan berterusan kepada pesakit dan orang-orang yang menjaganya demi keredaan Allah, ia juga merupakan penyebab terbaik doa dimakbulkan.

Menjaga orang yang sakit boleh mendatangkan pahala yang besar kepada orang beriman. Begitu juga dengan melakukan ziarah dan bertanya khabar tentang kesihatan pesakit dengan syarat tidak menyusahkan mereka, ia juga merupakan amalan sunnah yang mulia⁸ dan dalam masa yang sama boleh menghapuskan dosa-dosa. Selain itu, terdapat juga hadis yang membawa maksud: “*Mintalah doa orang-orang sakit, kerana doa mereka mustajab.*”⁹, khususnya apabila pesakit itu terdiri daripada kaum kerabat dan ibu bapa malah menjaga mereka merupakan suatu ibadat yang penting dan dalam masa yang sama akan memperoleh pahala yang besar. Menenangkan hati orang yang sakit dan menggembirakan mereka merupakan sedekah yang penting. Alangkah beruntungnya anak-anak yang dapat

8. Daripada Jabir r.a, Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: “*Ziarah pesakit yang paling afdal pahalanya ialah apabila orang yang menziarah itu segera bangun dari sisi pesakit.*” Faidh al-Qadir, jil. 1, hlm. 1285.

9. Musnad al-Firdaus, jil. 1, hlm. 280; Jam’ al-Fawa’id, jil. 1, hlm. 333; Ibn Majah, no. 1441.

menenangkan hati ibu bapa ketika sakit dan memperoleh doa mereka yang mustajab. Malah para malaikat juga turut memuji dan melaungkan: “*Masya-Allah! Barakallah!*” terhadap anak-anak soleh yang setia menjaga ibu bapa ketika sakit. Mereka inilah yang paling layak mendapat penghormatan dan kedudukan tinggi dalam kehidupan bermasyarakat kerana menunjukkan perikemanusiaan yang tinggi.

Ya, terdapat kenikmatan ketika sakit yang timbul daripada belas kasihan dan simpati daripada orang-orang di sekeliling pesakit. Hal ini demikian kerana ia dapat menenangkan dan mengurangkan kesakitan yang ditanggung oleh pesakit.

Makbulnya doa pesakit adalah suatu perkara yang penting. Selama tiga puluh atau empat puluh tahun, saya sendiri telah berdoa agar disembuhkan daripada penyakit Lumbago (sakit sengal otot di bahagian bawah belakang tubuh) yang saya alami. Kemudian barulah saya mengerti bahawa sakit yang dikurniakan kepada seseorang untuk tujuan dia berdoa. Oleh sebab doa tidak boleh dihilangkan dengan doa, iaitu doa tidak boleh menghilangkan dirinya, maka saya telah memahami bahawa natijahnya berbentuk *ukhrawi*¹⁰ dan doa itu sendiri merupakan sejenis ibadat, kerana melalui penyakit, seseorang akan memahami kelemahannya dan memohon perlindungan ke hadrat

10. Ya, sekalipun sebahagian penyakit menjadi sebab kepada wujudnya doa, tetapi jika doa menjadi sebab kepada terhapusnya penyakit, maka seolah-olah doa menjadi sebab kepada ketiadaan doa itu. Ini tidak mungkin berlaku. (Pengarang)

Ilahi. Oleh itu, walaupun saya telah berdoa selama 30 tahun agar disembuhkan dan nampaknya doa saya tidak dimakbulkan, namun ia sedikitpun tidak memutuskan semangat saya untuk berdoa. Hal ini demikian kerana sakit merupakan waktu untuk berdoa, manakala sembuh pula bukanlah natijah daripada doa. Jika Allah SWT *al-Hakim* (Yang Maha Bijaksana) lagi *ar-Rahim* (Maha Pengasih) mengurniakan kesembuhan, maka Dia mengurniakannya daripada limpah kurnia-Nya. Tambahan pula, jika doa kita tidak dimakbulkan sebagaimana yang dipohon, maka doa tersebut tidak boleh dikatakan tidak mustajab. Allah *al-Khaliq* (Yang Maha Mencipta) lagi *al-Hakim* (Maha Bijaksana) itu lebih mengetahui daripada kita, bahkan Allah SWT memberikan sesuatu yang lebih diperlukan oleh kita. Kadang-kadang Dia mengalihkan doa-doa berbentuk duniawi kita ke akhirat untuk manfaat kita dan menerimanya dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun, doa yang mendapat keikhlasan dan yang timbul di balik penyakit, sifat kelemahan, kerendahan hati serta hajat yang khusus amat hampir untuk dimakbulkan. Sakit merupakan asas dan paksi kepada doa yang ikhlas seperti ini. Oleh itu, pesakit dan penjaganya dalam kalangan orang beriman sepatutnya mengambil manfaat daripada doa ini.

Rawatan Kelapan Belas

Wahai pesakit yang meninggalkan kesyukuran dan bersikap merungut!

Rungutan sepatutnya lahir daripada sesuatu hak yang hilang daripada anda, sedangkan pada hakikatnya tiada suatu pun hak anda yang hilang yang menyebabkan anda

patut merungut. Sesungguhnya terdapat banyak kesyukuran yang menjadi kewajipan dan hak ke atas anda, namun anda tidak lakukan. Tanpa memberikan hak Allah Yang Maha Agung, dengan cara yang tidak wajar, anda merungut seolah-olah menuntut hak anda. Anda tidak boleh melihat orang lain yang lebih baik tahap kesihatannya daripada anda serta merungut, bahkan anda ditugaskan untuk melihat orang yang lebih rendah tahap kesihatannya daripada anda dengan bersyukur.

Anda sebenarnya ditugaskan untuk bersyukur. Jika tangan anda patah, lihatlah kepada tangan mereka yang terputus. Jika anda hanya memiliki sebelah mata sahaja, lihatlah kepada mereka yang buta, yang kehilangan kedua-dua belah matanya dan bersyukur kepada Allah SWT.

Sudah pasti, tiada seorang pun yang berhak untuk melihat kepada orang yang lebih hebat daripadanya dalam hal kenikmatan dan merungut, akan tetapi ketika ditimpa musibah adalah hak setiap orang untuk melihat kepada orang yang lebih teruk musibahnya agar dia bersyukur. Rahsia ini telah dijelaskan pada beberapa tempat di dalam Risalah an-Nur melalui sebuah tamsilan. Ringkasannya ialah seperti berikut:

Seorang lelaki yang bernasib baik membantu seorang yang malang menaiki ke puncak menara. Lelaki itu memberikan hadiah dan ganjaran yang berbeza kepada si malang itu pada setiap anak tangga. Akhirnya ketika sampai di puncak menara, lelaki itu memberikan hadiah yang paling besar kepada si malang itu. Walaupun dia mahukan ucapan terima kasih dan penghargaan bagi kesemua hadiah yang

diberikan itu, namun si malang itu telah melupakan hadiah yang diterima di setiap anak tangga, atau menganggapnya tidak penting, bahkan dia tidak mengucapkan terima kasih dan melihat orang yang lebih tinggi darjatnya. Seterusnya dia mula merungut dan berkata: *“Kalaulah menara ini lebih tinggi, nescaya saya boleh mendaki lebih tinggi lagi! Kenapa ketinggian menara ini tidak sama dengan bukit di sana atau menara di sebelah itu?”* Jika lelaki malang itu merungut sedemikian rupa, maka alangkah besarnya kekufuran nikmat yang dilakukan dan betapa dahsyat kesalahannya itu.

Demikian juga halnya dengan kedatangan manusia yang wujud daripada ketiadaan, bukan seperti batu, pokok dan binatang. Akan tetapi, menjadi manusia dan seorang muslim yang selalu mendapat kesihatan yang baik serta darjat kenikmatan yang tinggi. Di sebalik semua ini, dengan merungut dan menunjukkan sikap tidak sabar kerana dia tidak layak menerima sebahagian nikmat-nikmat, atau kerana dia kehilangannya melalui pilihan yang salah atau penyalahgunaan, atau kerana dia tidak dapat memperolehnya, dan untuk mengkritik Rububiyah Ilahi dengan berkata: *“Apakah yang telah aku lakukan sehingga keadaan ini berlaku kepadaku?”*, keadaan ini menggambarkan kesakitan maknawi dan musibah yang lebih besar daripada penyakit fizikal yang dialaminya. Umpama seorang yang bergusti dengan keadaan tangannya yang patah, rungutan akan mengakibatkan kesakitannya bertambah parah. Maka seseorang itu dianggap berakal jika dia menepati makna ayat ini:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.” (al-Baqarah: 156)

Lalu dia menyerahkan segalanya kepada Allah dalam keadaan sabar agar penyakit tersebut dapat menjalankan tugasnya, lalu penyakit tersebut akan meninggalkannya.

Rawatan Kesembilan Belas

Perkataan *al-Asma' al-Husna* yang digunakan bagi menggambarkan semua nama-nama Allah yang maha indah lagi maha mulia menunjukkan bahawa semua nama-nama tersebut adalah indah kesemuanya. Kehidupan adalah cerminan ketuhanan yang paling indah dan paling halus. Cermin kepada sesuatu yang indah adalah indah juga. Cermin yang memancarkan keindahan sesuatu yang indah akan juga menjadi indah. Segala sesuatu yang indah yang mengenai cermin tersebut, akan menjadi indah juga. Oleh itu, dari sudut hakikat, segala yang menimpa kehidupan ini adalah juga indah kerana ia sebenarnya menampik dan memperlihatkan buatan ukiran yang indah bagi nama-nama Allah yang indah itu.

Jika kehidupan selamanya berada dalam keadaan sihat wal afiat, nescaya ia akan menjadi seumpama cermin yang tidak sempurna. Bahkan sedikit sebanyak kehidupan akan merasa sempurna tidak wujud, ketiadaan, ketidakwujudan dan akan menyebabkan kita merasa kesusahan dan

masalah. Nilai kehidupan akan merudum. Kelazatan dan kesenangan umurnya akan bertukar menjadi kesakitan dan kedukacitaan. Oleh itu, manusia akan beranggapan yang dia akan menghabiskan masa hidupnya dengan cepat, hasil dari perasaan jemu mencampakkan hidupnya dalam perkara maksiat atau berfoya-foya. Ia adalah umpama seorang yang memusuhi umurnya sendiri yang berharga itu lalu membunuh dirinya kerana beranggapan kehidupannya di dunia ini sebagai suatu tahanan di dalam penjara. Tetapi kehidupan yang berlangsung dalam keadaan dipenuhi dengan pelbagai pertukaran dan perubahan serta mengalami keadaan dalam berbagai-bagai bentuk dan peringkat, maka kehidupan itu akan dirasai mempunyai nilai dan kedudukan yang tinggi. Kehidupan seumpama ini akan menatijahkan bahawa umurnya adalah penting dan memberikannya kelazatan yang menakjubkan. Hinggakan anda akan dapati seseorang itu tidak mahu umurnya berlalu meskipun dia mengalami pelbagai jenis kesulitan dan musibah. Dia sedikitpun tidak mengeluh dan menyesalinya. Dia berkata: *“Harap-harap, janganlah matahari tenggelam, dan janganlah malam berlalu.”*

Sebaliknya, anda boleh bertanya kepada seorang lelaki yang kaya yang tidak berbuat apa-apa dan hidup dalam buaian kemewahan. Tanyalah kepadanya: *“Bagaimanakah keadaan anda?”* Anda pasti akan mendengar jawapan-jawapan yang menyedihkan, seperti: *“Aah... Kenapa lambat benar masa ini berlalu? Mahukah anda bersama saya mencari suatu permainan menyeronokkan yang boleh menghabiskan masa kita ini? Marilah kita bermain terup sekejap!”* Atau anda mungkin akan mendengar

berbagai-bagai pengaduan yang menunjukkan dia adalah seorang yang cintakan dunia dan mempunyai angan-angan yang panjang, seperti: *“Alangkah baiknya jika saya berbuat sekian-sekian...”* Tetapi jika anda bertanya kepada seorang fakir yang tenggelam di dalam musibah atau seorang fakir yang giat bekerja: *“Bagaimana keadaan anda?”* maka jika dia seorang yang waras, dia akan berkata: *“Saya berada dalam keadaan baik. Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah. Saya sedang bekerja. Alangkah baiknya jika matahari tidak tenggelam dengan cepat agar saya dapat menghabiskan kerja saya ini. Waktu amat cepat berlalu. Umur juga begitu. Mereka berlalu dengan cepat. Sudah pasti keadaan adalah susah bagi saya, tetapi ia akan berakhir juga. Semuanya berlalu dengan cepatnya,”* Sebenarnya, lelaki fakir ini menyatakan betapa bernilainya kehidupan ini dan betapa kecewanya atas pemergiannya yang cepat. Oleh itu, dia merasai kelazatan dan nilai umurnya dengan melalui kesukaran dan kesulitan. Manakala kerehatan dan kesihatan hanya menjadikan kehidupan ini pahit dan menyebabkan seseorang itu bercita-cita agar kehidupannya dapat berlalu dengan segera.

Wahai saudaraku yang sakit! Ketahuilah bahawa punca segala musibah dan kejahatan bahkan punca segala dosa ialah ‘ketiadaan’ sebagaimana telah dibuktikan dengan bukti yang kukuh dan terperinci di dalam Risalah an-Nur. ‘Ketiadaan’ adalah keburukan dan kegelapan.

Maka keadaan-keadaan dalam bentuk keadaan kehidupan yang sama selama-lamanya adalah amat menyerupai dengan ‘ketiadaan’ dan ‘kesia-siaan’. Manakala keadaan ‘pergerakan’ dan ‘perubahan’ pula adalah kewujudan

dan menjadikan kehidupan itu dirasai kewujudannya. ‘Kewujudan’ adalah kebaikan dan cahaya yang sejati.

Oleh kerana inilah hakikatnya, maka penyakit yang berada pada diri anda sebenarnya ia adalah tetamu yang diutuskan kepada anda untuk melaksanakan tugasnya yang banyak. Dia bertugas membersihkan, menguat dan mempertingkatkan kehidupan anda serta mengarahkan seluruh jentera lain yang berada pada diri anda agar membantu anggota badan anda yang sakit. Dia juga menampilkan ukiran segala nama-nama Allah yang Maha Bijaksana. Tugasnya akan berakhir tidak lama lagi, insya-Allah. Ia akan berkata kepada keadaan kesihatan: *“Marilah ke sini sekarang untuk menggantikan tempat saya selamanya. Mulakan semula tugas anda. Inilah rumah anda. Tinggallah di sini dalam keadaan baik.”*

Rawatan Kedua Puluh

Wahai pesakit yang mencari penawar bagi penyakitnya! Ketahuilah bahawa penyakit terbahagi kepada dua jenis. Jenis pertama ialah penyakit hakiki (sebenar) dan jenis kedua ialah penyakit wahmi (disangkakan).

Bagi penyakit hakiki, Allah *al-Syafi* (Yang Maha Penyembuh) dan *al-Hakim Zul Jalal* (Maha Bijaksana lagi Maha Mulia) telah menyimpan penawar bagi setiap penyakit di dalam farmasi-Nya yang luas di dunia ini. Penawar-penawar itu memerlukan penyakit-penyakit tersebut. Dia telah menciptakan penawar bagi setiap penyakit itu. Anda dibenarkan untuk mendapatkan ubat-ubatan dan menggunakannya untuk rawatan, tetapi anda perlu tahu bahawa kesan dan kesembuhan adalah daripada Allah Yang

Maha Agung. Dialah yang mengurniakan kesembuhan sebagaimana Dia memberikan penawar. Malah mengikut saranan doktor yang mahir dan bertakwa merupakan ubat yang paling penting. Hal ini demikian kerana kebanyakan penyakit terjadi disebabkan oleh penyalahgunaan, kurang berpantang, pembaziran, kesilapan, berfoya-foya dan kurang menjaga kesihatan. Bahkan, seseorang doktor yang beriman sudah pasti akan memberikan nasihat dan pesanan dalam batasan yang dibenarkan. Dia juga akan melarang sebarang penyalahgunaan dan berlebih-lebihan, malah turut menghiburkan hati pesakit. Hal ini akan menyebabkan sesuatu penyakit yang ditanggung oleh pesakit akan berkurang kerana nasihat, pesanan dan hiburan yang diberikan oleh doktor itu, bahkan dia akan berasa lega sebagai ganti daripada perasaan sempit dan gelisah.

Manakala bagi penyakit wahmi (yang disangkakan), ubat paling mujarab untuknya adalah dengan ‘tidak menghiraukannya’ kerana semakin diberi perhatian, ia akan menjadi semakin tumbuh membesar. Akan tetapi, jika tidak dihiraukan, ia akan berkurang dan menghilang. Ibarat lebah, semakin banyak lebah yang marah semakin banyak lebah mengerumuni kepala seseorang, namun jika tidak dihiraukannya, lebah-lebah tersebut akan berserakan. Jika seseorang sentiasa berkhayal dengan penuh perhatian sebagai contoh dia berkhayal tentang wujudnya seutas tali yang tergantung di dalam gelap, maka khayalannya itu akan menjadi besar bahkan kadang-kadang boleh menyebabkannya melarikan diri seperti orang gila yang ketakutan. Tetapi jika dia tidak ambil peduli terhadap khayalannya, maka pasti dia akan mengetahui bahawa apa

yang disangkakannya itu hanyalah seutas tali, bukannya seekor ular yang besar. Lalu dia akan mentertawakan apa yang dikhayalkannya itu. Sekiranya penyakit hipokondria (perasaan bimbang keterlaluan terhadap kesihatan diri) berterusan dalam jangka masa yang lama, ia akan berubah menjadi realiti. Ia adalah suatu penyakit yang teruk untuk orang yang marah dan mereka yang kuat berkhayal, selalunya orang sebegini terlalu risau mengenai masalah kecil tetapi dianggapnya terlalu serius, malah boleh melenyapkan kekuatan maknawinya (kekuatan rohani). Terutama sekali jika mereka bertemu dengan doktor yang ‘separuh’ atau doktor yang tidak adil dan tidak memiliki belas kasihan, ia akan mencetuskan hipokondria pesakitnya itu sehinggakan jika dia seorang yang kaya, dia akan kehilangan kekayaannya, atau dia boleh kehilangan kesihatannya.

Rawatan Kedua Puluh Satu

Wahai saudaraku yang sakit! Terdapat kesakitan fizikal pada penyakit yang anda alami, akan tetapi anda akan dikelilingi dengan kelazatan maknawi yang bermakna, yang akan menghilangkan kesan kesakitan fizikal anda. Hal ini demikian kerana jika anda mempunyai ibu bapa dan sanak saudara, maka belas kasihan mereka yang paling membahagiakan yang sudah anda lupa sejak kecil akan dizahirkan semula serta anda dapat merasai lagi kebaikan mereka yang telah anda peroleh pada zaman kanak-kanak. Tambahan pula, melalui tarikan penyakit itu juga kasih sayang di sekeliling anda yang dirahsiakan dan disembunyikan akan mula menjengah anda kembali. Maka, kesakitan fizikal yang anda hadapi menjadi semakin tidak

terasa. Begitu juga, anda kini akan menjadi tuan kepada tuan-tuan yang telah anda berkhidmat dengan bangga disebabkan sakit yang telah ditetapkan, hal ini disebabkan oleh mereka telah melayani anda dengan penuh kasih sayang. Oleh sebab anda telah dapat menjiwai perasaan kasih sayang sesama insan ke dalam diri anda, maka anda akan menjumpai ramai rakan yang suka membantu dan teman baik. Di samping itu, anda telah menerima arahan daripada penyakit yang anda alami itu agar berehat daripada bebanan tugas yang berat, dan anda sekarang sedang berehat. Oleh itu, sudah semestinya dalam menghadapi kelazatan-kelazatan maknawi ini, sakit anda yang ringan itu sepatutnya mendorong anda untuk bersyukur bukannya mengeluh.

Rawatan Kedua Puluh Dua

Wahai saudaraku yang mengalami penyakit berat seperti Apopleksi (lumpuh)! Pertamanya saya akan khabarkan berita gembira kepada anda bahawa apopleksi (lumpuh) dianggap sebagai satu penyakit yang diberkati bagi seorang mukmin. Saya pernah mendengar tentang perkara ini lama dahulu daripada para wali yang soleh dan saya tidak mengetahui rahsianya. Sekarang, salah satu daripada rahsianya telah terlintas dalam hati saya, seperti berikut:

Sesungguhnya para wali Allah yang ingin sampai kepada Allah SWT bagi menyelamatkan diri mereka daripada bahaya maknawi besar yang datang dari dunia dan bagi menjamin kebahagiaan abadi di akhirat, mereka melalui dua jalan:

Pertama: Mengingati mati, iaitu berfikir tentang dunia

ini hanya sementara dan bahawa diri mereka seperti seorang musafir yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas tertentu, maka mereka bekerja ke arah kehidupan yang kekal abadi melalui cara itu.

Kedua: Bagi menghilangkan bahaya nafsu amarah dan perasaan buta hati mereka cuba menghapuskan nafsu amarah dengan melakukan mujahadah dan kezuhudan.

Wahai saudaraku yang kehilangan setengah daripada kesihatan badannya! Terdapat dua asas yang pendek dan mudah serta punca pada kebahagiaan telah diberikan kepada diri anda tanpa anda memilikinya. Oleh itu, keadaan diri anda sentiasa mengingatkan anda bahawa dunia ini fana dan manusia ini hanyalah seorang musafir. Ketika itu, dunia tidak dapat melemaskan dan menghalang pernafasan anda serta kealpaan juga tidak dapat menutup mata anda, semestinya nafsu jahat yang memerintah juga tidak boleh memperdayakan nafsu syahwat yang hina bagi menghasut seseorang yang dalam keadaan separuh badan manusia. Oleh itu, dia akan terselamat daripada segala ujian terhadap jiwanya dengan segera.

Oleh yang demikian, melalui rahsia keimanan, penyerahan diri dan tawakal terhadap-Nya, seorang mukmin boleh mendapat faedah dalam tempoh yang singkat daripada penyakit yang teruk seperti apopleksi (lumpuh) itu. Semuanya itu adalah seperti ujian yang dahsyat yang diterima oleh para wali Allah. Justeru itu, penyakit dahsyat seperti ini hanyalah akan menjadi perkara yang sangat kecil dan kerdil.

Rawatan Kedua Puluh Tiga

Wahai pesakit yang berdukacita lagi keseorangan dan terasing! Sekalipun jika kesunyian anda dan pengasingan yang bersama dengan penyakit anda itu akan menyebabkan timbulnya perasaan simpati terhadap anda dalam hati-hati yang keras yang dapat menarik kebaikan dan belas kasihan, maka dapatkah ia menggantikan sifat Pencipta anda yang Maha Pemurah (*ar-Rahman*) itu? Sepertimana Dia bentangkan sifat *ar-Rahman* dan *ar-Rahim-Nya* pada permulaan surah-surah al-Quran. Begitu juga, dengan satu kerdipan cahaya kasih sayang-Nya dapat membuatkan kesemua ibu akan mengasuh anak-anak mereka dengan kasih sayang yang amat menakjubkan. Begitu juga dengan satu manifestasi rahmat Ilahi terdapat pelbagai kenikmatan yang memenuhi permukaan bumi pada musim bunga. Begitu juga melalui salah satu manifestasi rahmat Ilahi adalah adanya kehidupan abadi di syurga berserta dengan pelbagai keajaibannya. Oleh itu keimanan dan perlindungan anda di bawah naungan-Nya melalui lisan anda yang lemah terhasil daripada penyakit yang anda alami, serta pengharapan dan tadarru' anda kepada-Nya, menjadikan penyakit, keseorangan dan kesunyian yang anda alami sebagai suatu matlamat dan wasilah yang mendatangkan pandangan rahmat-Nya, kerana ia mengatasi segalanya.

Selagimana Dia wujud dan Dia memandang kepada anda, maka segala sesuatu yang lain juga wujud bagi anda. Orang-orang yang sebenarnya keseorangan dan kesunyian ialah orang yang tidak mempunyai hubungan keimanan dan penyerahan diri kepada-Nya, atau tidak mengendahkan

hubungan tersebut.

Rawatan Kedua Puluh Empat

Wahai kalian yang menjaga kanak-kanak maksum yang sakit atau orang-orang tua yang seakan kanak-kanak maksum! Di hadapan anda terdapat perniagaan akhirat yang amat penting. Anda hendaklah merebut perniagaan ini dengan rindu dan ghairah. Penyakit yang dialami oleh kanak-kanak adalah suntikan-suntikan tarbiah rabbani bagi tubuh badan mereka yang masih lembut dan lemah, agar mereka membiasakan diri dengannya agar mereka dapat menghadapi segala kesulitan kehidupan pada masa akan datang. Penyakit-penyakit itu juga mengandungi pelbagai hikmat dan faedah untuk kehidupan mereka di dunia. Sebagaimana ia juga dapat menyucikan kehidupan orang-orang yang sudah dewasa dengan menghapuskan segala dosa yang dilakukan. Maka penyakit-penyakit itu merupakan suntikan peningkatan maknawi (rohani) kanak-kanak bagi kepentingan mereka pada masa akan datang atau di akhirat nanti. Pahala yang terhasil daripada penyakit-penyakit seumpama ini akan dicatatkan di dalam lembaran amalan kedua ibu bapa, terutamanya di dalam lembaran amalan kebaikan ibu yang lebih mengutamakan kesihatan anaknya daripada kesihatan dirinya sendiri kerana rahsia perasaan kasih sayang yang terdapat pada dirinya, sebagaimana telah dapat dibuktikan di sisi ahli hakikat.

Menjaga dan mengambil berat terhadap orang-orang tua yang sakit pula menjadi paksi kepada memperoleh pahala yang besar, terutamanya jika orang tua itu ialah ibu bapa kita sendiri. Ia juga akan menyebabkan seseorang memperoleh

doa mereka, di samping itu hati mereka akan gembira jika perkhidmatan yang diberikan kepada mereka dilakukan dengan penuh kesetiaan dan ikhlas. Ia juga menyebabkan seseorang mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ini sebagaimana terbukti di dalam banyak riwayat yang sahih dan peristiwa sejarah. Oleh itu, seseorang anak yang soleh dan berbakti kepada kedua ibu bapanya yang lemah, anak-anaknya juga akan memberikan ketaatan yang sama kepadanya suatu hari nanti. Sebaliknya, anak derhaka yang sentiasa menyakiti ibu bapanya, akan sentiasa dihukum dengan pelbagai bencana di dunia dan di akhirat nanti.

Apa yang dimaksudkan di atas bukanlah hanya penjagaan terhadap orang-orang tua yang lemah dalam kalangan kaum kerabat terdekat sahaja. Bahkan jika seseorang mukmin terjumpa seorang tua yang sakit dan memerlukan penjagaan maka menjadi kewajipannya untuk memberikan perkhidmatan dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan, selagimana terdapat tali persaudaraan yang sejati melalui rahsia keimanan. Inilah yang dituntut oleh Islam.

Rawatan Kedua Puluh Lima

Wahai saudara-saudaraku yang sakit! Jika anda mahukan satu rawatan suci yang amat bermanfaat dan kelazatan yang hakiki maka mantapkanlah keimanan anda! Iaitu dengan melakukan taubat, istighfar, solat lima waktu dan ibadat yang dilakukan dengan penuh keimanan merupakan penawar yang suci dan rawatan yang timbul daripada keimanan itu.

Sesungguhnya orang-orang yang alpa dan lalai kerana kecintaan mereka terhadap dunia dan kebergantungan

mereka yang teramat terhadapnya menjadikan seolah-olah mereka sedang mengalami sakit tenat, yang penyakitnya sebesar dunia ini sendiri. Kami telah buktikan dalam banyak bahagian Risalah an-Nur bahawa iman menyembuhkan kewujudan penyakit maknawi anda yang sebesar dunia itu yang telah dcederakan dan dihentak oleh pukulan-pukulan kematian dan perpisahan kepada jasad dan menyelamatkannya daripada luka-luka dan seterusnya menyembuhkan sepenuhnya. Saya meringkaskan perbincangan di atas supaya tidak menjemukan anda .

Rawatan keimanan jelas akan memperlihatkan kesannya dengan melakukan perkara-perkara fardu semampu yang boleh. Manakala kealpaan, perbuatan yang melanggar syariat, mengikuti hawa nafsu dan hiburan yang haram boleh menghalang keberkesanan rawatan tersebut.

Oleh kerana penyakit boleh menghilangkan kealpaan, memotong nafsu makan, menghalang ke atas kenikmatan-kenikmatan yang haram; maka ambillah manfaat daripadanya. Gunakanlah rawatan daripada cahaya keimanan ini dengan bertaubat, istighfar, doa dan pengharapan agar Allah SWT menyembuh dan menjadikan penyakit anda sebagai penghapus dosa. Amin... Amin... Amin...

Firman Allah SWT:

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ لَقَدْ
جَاءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِالْحَقِّ

Maksudnya: Mereka berkata: “Segala puji tertentu

bagi Allah yang telah memberi hidayah petunjuk untuk (mendapat nikmat-nikmat) ini, padahal kami tidak sekali-kali akan memperoleh petunjuk kalau Allah tidak memimpin kami (dengan taufiqNya). Sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran.” (al-A’raf: 43)

قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: Malaikat itu menjawab: “Maha suci Anda (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Anda ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Anda jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (al-Baqarah: 32)

Surat Takziah ke atas Kematian Anak¹¹

Firman Allah swt:

بِسْمِهِ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

“Dengan nama-Nya, tiada sesuatupun melainkan bertasbih memuji-Nya.” (al-Isra’: 44)

Wahai Saudara akhiratku, tuan Hafiz Halid!

Firman Allah:

وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ الَّذِينَ إِذَا أَصَابْتَهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رُجْعُونَ

Maksudnya: “Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar, (iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.” (al-Baqarah: 155-156)

Saudaraku! Berita kematian anak anda membuatku sedih. Akan tetapi, **الْحُكْمُ لِلَّهِ** “Hukum itu milik Allah SWT”, reda dengan ketetapan Ilahi dan penyerahan ke atas qadar Ilahi adalah suatu syiar Islam. Semoga Allah Yang Maha Agung mengurniakan kesabaran yang sepenuhnya kepada anda dan semoga Dia menjadikan arwah sebagai pembantu dan pemberi syafaat kepada anda di akhirat nanti. Saya akan menjelaskan lima noktah yang akan membawa khabar

11. Ini adalah sepucuk surat yang dihantar ketika beliau berada di Barla kepada salah seorang murid sempena kematian anaknya yang disayangi.

gembira dan memberikan hiburan hakiki kepada saudara dan kepada orang-orang mukmin seumpama saudara:

Noktah Pertama: Firman Allah SWT: **وَلَدَانٌ مُّخَلَّدُونَ**

Maksudnya: “... *anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya)...*” (al-Waqi’ah: 17)

Ayat al-Qur’an tersebut memberikan khabar gembira dan menjelaskan bahawa sesungguhnya anak-anak orang mukmin yang meninggal dunia sebelum baligh akan dikekalkan di dalam syurga sebagai kanak-kanak yang disayangi sebagaimana selayaknya di syurga. Mereka juga akan menjadi punca kegembiraan abadi di dalam dakapan ibu bapa mereka yang dapat memasuki syurga. Mereka juga akan menjadi jaminan kepada perasaan kasih sayang abadi bagi kedua ibu bapa iaitu perasaan kasih sayang terhadap anak-anak serta bermanjaan dengan mereka. Oleh sebab semua perkara yang lazat terdapat di dalam syurga, maka tidak benarlah mereka yang mengatakan bahawa tiada tempat bagi kasih sayang terhadap anak-anak dan bermanjaan dengan mereka di dalam syurga, dengan alasan kerana tiada proses penerusan zuriat di dalamnya. Demikian juga di dalam syurga terdapat kejayaan besar kasih sayang terhadap anak-anak dan bermanjaan dengan mereka sepanjang jutaan tahun tanpa diselaputi oleh sebarang kesakitan atau kekeruhan, dibandingkan dengan kasih sayang dan bermanjaan dengan mereka dalam tempoh sepuluh tahun di dunia yang singkat yang diselubungi dengan pelbagai kesakitan. Semua perkara ini direalisasikan oleh ayat **وَلَدَانٌ مُّخَلَّدُونَ** menjadi paksi terbesar yang membawa kebahagiaan dan khabar gembira

kepada orang-orang yang beriman.

Noktah Kedua:

Pada satu ketika, terdapat seorang lelaki di dalam penjara. Kemudian, salah seorang anak kesayangannya dihantar untuk tinggal bersamanya. Lelaki itu bersedih kerana kelemahannya menyediakan keselesaan yang sepatutnya bagi anaknya, di samping kesengsaraan peribadi yang dihadapinya.

Selapas itu, raja yang pengasih telah menghantar seorang utusan kepada lelaki tersebut dengan pesanan “*Meskipun anak itu adalah anak anda, namun dia tetap salah seorang daripada rakyat beta. Beta akan mengambilnya daripada anda untuk dididik di bawah naungan istana yang indah*”. Lelaki itu terus menangis dengan penuh hiba, lalu dia berkata: “*Tidak! Saya tidak akan menyerahkan anak saya kerana dialah penawar dan penghibur hati saya!*”

Kawan-kawannya di dalam penjara berkata kepadanya: Mereka berkata: “*Kesedihan anda itu tidak bermakna*”. Jika anda bersedih kerana anak anda, itu tidak memberikan apa-apa pengertian kerana dia akan dihantar ke sebuah istana yang luas dan menggantikan penjara yang kotor, berbau busuk dan menyedihkan ini. Jika anda bersedih untuk diri anda dan untuk mendapatkan keuntungan diri sendiri sekiranya anak anda tinggal bersama anda, maka anda akan mengalami lebih banyak kesulitan dan kesakitan terhadap kesusahan anak anda di samping anda juga tidak yakin mendapatkan manfaat bagi diri anda yang sementara itu. Tetapi jika anak anda tinggal di istana, ia

akan mendatangkan manfaat kepada diri anda, kerana dia akan menjadi asbab yang menurunkan rahmat raja terhadap anda. Anak anda itu akan menjadi umpama pemberi syafaat. Sudah pasti suatu hari nanti, raja akan memberikan peluang kepada anda untuk menemui anak anda. Raja tidak akan mahu agar anda bersedia untuk menerima kunjungan anak anda di penjara, dan raja tidak akan menghantar anak anda ke penjara untuk menemui anda, bahkan raja akan mengutus seseorang untuk menjemput anda ke istana bagi menemui anak anda, dengan syarat anda memberikan kepercayaan dan ketaatan kepada-Nya.

Berdasarkan perumpamaan ini wahai saudaraku, anda dan orang-orang beriman yang seumpama anda ketika mengalami kematian anak hendaklah berfikir seperti ini: Anak itu tidak bersalah. Penciptanya merupakan *al-Khaliq, ar-Rahim* (Pencipta Yang Maha Pengasih) lagi *al-Karim* (Maha Pemurah). Dia telah membawa anak saya kepada rahmat dan belas kasihan-Nya yang paling sempurna sebagai ganti kepada didikan dan belas kasihan saya yang serba berkurangan. Dia telah membebaskannya dari penjara kesedihan, melapetaka dan kesulitan di dunia ini, lalu menghantarnya ke syurga Firdaus. Betapa gembiranya anak-anak tersebut! Jika dia tinggal dunia ini tiada siapa yang tahu apakah yang akan dilakukan oleh anak tersebut. Oleh itu, saya tidak kasihan kepadanya, saya tahu dia bernasib baik. Masih ada manfaat untuk diri saya sendiri dan saya tidak mengasihani diri saya atas permergian anak saya, dan saya tidak bersedih dan berdukacita. Hal ini demikian kerana jika anaknya itu terus kekal di dunia, dia hanya memperoleh sepuluh tahun kasih sayang anaknya

yang sementara bercampur dengan kesakitan. Sekiranya seorang anak yang soleh dan mempunyai kemampuan dalam urusan dunia, berkemungkinan dia akan menolong saya. Tetapi dengan kematiannya, dia akan menjadi wasilah untuk memberikan syafaat kepada saya dalam bentuk kasih sayang terhadapnya dan kebahagiaannya di dalam syurga yang abadi. Oleh itu, sesiapa yang kehilangan kemanfaatan sementara yang diragui sebaliknya dia akan mendapat seribu keuntungan yang ditanggungkan, maka dia sepatutnya tidak memperlihatkan kesedihan yang menyimpannya dan tidak mengeluh serta menyesal sama sekali!

Noktah Ketiga:

Kanak-kanak yang meninggal adalah makhluk, hak milik, khadam dan segala apa yang ada pada tubuhnya ialah ciptaan Pencipta (*al-Khaliq*) Yang Maha Pengasih. Ia juga merupakan kawan kepada kedua ibu bapanya semasa di bawah jagaan mereka buat masa yang sementara. Yang Maha Pencipta telah membuatkan kedua ibu bapa berkhidmat sebagai khadam kepada anak-anaknya. Sebagai balasan untuk perkhidmatan tersebut, Dia telah mengurniakan kepada kedua ibu bapa kelazatan kasih sayang dan sebagai upah segera perkhidmatan yang mereka lakukan terhadap anak.

Kini sebagai satu ketetapan rahmat dan hikmah oleh yang Maha Mencipta lagi Maha Mengasihani, iaitu Dia pemilik yang memiliki sembilan ratus sembilan puluh sembilan daripada seribu bahagian anak itu telah mengambilnya kembali dan menamatkan khidmat anda terhadap anak itu.

Oleh itu, adalah tidak layak bagi ahli iman yang hanya

mempunyai satu bahagian daripada seribu bahagian yang bukan miliknya secara hakiki itu untuk berkeluh kesah dan meratap ketika kehilangan anaknya, kerana perbuatan tersebut hanya layak bagi ahli kealpaan dan kesesatan.

Noktah Keempat:

Jika dunia ini kekal abadi, jika manusia akan hidup selama-lamanya dan jika perpisahan adalah abadi, maka barulah ketika itu kesedihan yang pedih dan kekecewaan mempunyai sedikit makna.

Akan tetapi, oleh kerana dunia ini hanyalah rumah persinggahan, di mana sahaja anak yang meninggal itu telah pergi, maka kita semua juga pasti akan ke sana nanti.

Tambahan pula, kematian ini tidak khusus untuk anaknya sahaja, akan tetapi ianya merupakan jalan yang akan dilalui oleh semua orang pada suatu hari nanti.

Oleh sebab perpisahan bukanlah untuk selama-lamanya maka pada masa akan datan, dia akan bertemu dengan kedua ibu bapanya di alam barzakh dan di dalam syurga. Maka, kita sepatutnya berkata: *أَلْحَكُمُ اللَّهُ* “*Hukum itu milik Allah. Dia yang memberikan dan Dia yang mengambilnya kembali daripada kita. Dengan penuh kesyukuran dan kesabaran, kita hendaklah berkata: Segala puji bagi Allah pada setiap keadaan.*”

Noktah Kelima:

Kasih sayang merupakan satu manifestasi belas kasihan Ilahi yang paling halus, indah, menyenangkan dan manis, ia adalah suatu penawar ajaib yang bercahaya. Ia adalah jauh lebih telus daripada cinta yang mengasyikkan, ia adalah

suatu wasilah yang cepat untuk mendekatkan diri kepada Allah Yang Maha Berkuasa. Cinta majazi (metafora) dan cinta duniawi akan berubah menjadi cinta sejati bersama kesukaran yang terhebat untuk sampai kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, akan tetapi belas kasihan akan membuatkan hati terikat kepada-Nya dalam masa yang singkat dan lebih suci tanpa kesukaran. Kedua ibu bapa mengasihi anak mereka lebih daripada dunia dan segalanya. Ketika anak mereka diambil daripada mereka, sekiranya mereka bernasib baik dan jika mereka benar-benar beriman, maka mereka akan memalingkan muka mereka daripada dunia dan menemui *al-Mun'im al-Hakiki* (Yang Maha Pemberi Nikmat lagi Maha Hakiki). Mereka juga akan berkata: "Oleh sebab dunia ini fana, maka tidak layak untuk hati terpaut dengannya." Ke mana sahaja anak itu pergi, seseorang akan membentuk ikatan yang kuat dengannya, dan dengan ini akan dia akan mencapai kedudukan kerohanian yang tinggi.

Namun, bagi mereka yang tenggelam dalam kelalaian dan kesesatan tidak akan mendapatkan kebahagiaan dan khabar gembira daripada kelima-lima noktah di atas.

Berdasarkan demikian anda dapat lihat betapa parahnya keadaan mereka, iaitu seperti berikut: Ketika para ibu melihat anak tunggal mereka sedang menghadapi sakaratul maut, jika mereka membayangkan bahawa dunia ini kekal abadi, maka mereka akan menganggap bahawa kematian itu adalah suatu ketiadaan dan perpisahan yang abadi akibat daripada kealpaan dan kesesatan mereka itu.

Mereka memikirkan tanah kubur sebagai pengganti tempat tidur empuk anak mereka. Disebabkan kelalaian

atau kesesatan, tidak terlintas dalam fikiran mereka tentang kerahmatan alam Syurga dan nikmat Firdausi yang dikurniakan Tuhan Yang Maha Penyayang dari segala yang penyayang. Justeru melalui perbandingan ini, anda dapat membayangkan sejauh mana kesedihan dan kedukaan yang mereka akan alami. Sementara itu, iman dan Islam akan berkata kepada orang mukmin: Penciptanya yang Maha Penyayang akan mengambil anakmu yang sedang mengalami sakaratul maut ini dari dunia yang fana dan membawanya ke syurga. Dia akan menjadikannya sebagai pemberi syafaat untukmu, dan akan menjadikannya sebagai anakmu yang abadi. Perpisahan itu hanyalah sementara, janganlah anda risau. Ucapkanlah: *“Hukum itu milik Allah”*. *“Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”* (al-Baqarah: 156), dan bersabarlah.

الْبَاقِي هُوَ الْبَاقِي

Said Nursi

Surat Untuk Seorang Doktor

(Sepucuk surat yang ditulis kepada seorang doktor yang amat merindui Risalah an-Nur dan telah mendapat kesedaran melalui pengkajiannya.)

Selamat datang wahai doktor yang bertuah yang dapat mendiagnosis penyakitnya sendiri. Sahabatku yang ikhlas lagi mulia! Kesedaran yang ditunjukkan dalam surat saudara yang menyentuh hatiku, melayakkan saudara untuk menerima ucapan tahniah “ Barakallah (semoga Allah memberkatimu).

Anda perlu tahu bahawa ciptaan yang paling bernilai adalah kehidupan dan tugas yang paling bernilai adalah berhidmat untuk kehidupan. Manakala antara berkhidmat dalam kehidupan yang paling bernilai adalah usaha yang ditujukan untuk mengubah kehidupan fana menjadi kehidupan kekal abadi. Semua nilai dan kepentingan kehidupan inilah yang menjadi benih, asal usul dan sumber kepada kehidupan yang kekal abadi itu. Jika tidak, ia adalah suatu kegilaan apabila memberi tumpuan kepada kehidupan fana ini dengan cara meracuni dan memusnahkan kehidupan kekal abadi, ibarat lebih menyukai cahaya kilat yang hanya sekejap daripada cahaya matahari yang berkekalan.

Pada hakikatnya, mereka yang paling sakit ialah doktor-doktor yang mementingkan aspek fizikal, materialistik dan lalai.

Akan tetapi, jika mereka boleh mengambil ubat-ubatan keimanan seperti ubat penawar dari farmasi suci al-Quran,

maka mereka dapat menyembuhkan penyakit mereka sendiri dan juga penyakit manusia yang lain, insya-Allah.

Seumpama kebangkitan kerohanian anda yang menjadi balsam untuk merawat luka-luka anda, malah ia menjadikan anda sebagai penawar kepada penyakit doktor-doktor lain.

Tambahan pula, anda juga telah mengetahui bahawa memberikan harapan *maknawi* (kerohanian) kepada pesakit yang putus harapan dan bersedih adalah kadangkala lebih bermanfaat daripada ribuan ubat-ubatan.

Sedangkan, seorang doktor yang tenggelam di dalam lembah sebab dan akibat (semula jadi), maka mereka hanya menambahkan lagi perasaan kecewa yang mendalam kepada pesakit yang malang itu.

Insya-Allah, kesedaran ini akan menjadikan anda punca harapan bagi pesakit yang malang seperti mereka serta menjadikan anda seorang doktor yang bercahaya.

Seperti yang anda sedia maklum bahawa kehidupan manusia amat singkat, sedangkan tugas yang mesti dilaksanakan amatlah banyak. Jika anda memeriksa kepala anda, sebagaimana yang saya lakukan, anda akan dapati dalam pengetahuan anda terdapat banyak perkara yang tidak diperlukan, yang tidak berfaedah, yang remeh-temeh dan patut dilupuskan seperti timbunan kayu. Oleh sebab saya telah melakukannya saya dapati terdapat perkara-perkara yang tidak penting di dalamnya. Sehubungan dengan itu, anda hendaklah mencari solusi untuk menjadikan ilmu sains dan ilmu falsafah sebagai ilmu yang memberi manfaat dan disinari dengan Nur serta mempunyai sentuhan kerohanian. Anda juga perlulah berdoa memohon kesedaran kerohanian daripada Allah Yang Maha Agung

untuk mengalihkan pemikiran anda kepada-Nya *al-Hakim Zul Jalal* (Yang Maha Bijaksana Lagi Maha Mulia) supaya kesedaran itu dapat membakar segala timbunan kayu tadi agar dapat diberikan cahaya dan menjadikan ilmu sains yang dahulunya tidak berfaedah kepada ilmu Ilahiah yang bernilai.

Wahai sahabatku yang bijaksana!

Sesungguhnya hati amat suka agar beberapa orang yang telah memiliki jiwa yang suci bersih dapat mara ke hadapan, iaitu mereka yang terdiri daripada ahli ilmu yang mempunyai perasaan kerinduan yang mendalam kepada cahaya keimanan dan rahsia al-Quran.

Oleh kerana Risalah al-Kalimat ini mampu berbicara dan berdialog dengan perasaan dalaman saudara, maka janganlah saudara menganggapnya hanya sebagai surat khusus daripada saya untuk saudara sahaja. Bahkan hendaklah saudara menganggap setiap perkataannya sebagai risalah yang ditujukan kepada saudara daripada saya yang menyeru dan menunjukkan kepada al-Quran al-Karim. Ambillah risalah ini sebagai preskripsi yang ditulis oleh seorang doktor yang dikeluarkan daripada farmasi al-Quran. Dengan itu, saudara akan membuka satu majlis yang luas dan mulia di alam ghaib, iaitu satu majlis yang diberkati.

Saudara bebas untuk menulis surat kepada saya pada bila-bila masa yang saudara kehendaki. Tetapi saya berharap agar saudara tidak merasa kesempitan jika saya tidak membalasnya, kerana telah menjadi kebiasaan saya sejak sekian lama tidak menjawab atau menulis

surat kecuali beberapa pucuk sahaja. Hinggakan kepada saudara kandung saya sendiri pun, saya tidak menulis surat kepadanya semenjak tiga tahun lalu melainkan sepucuk surat sahaja yang saya tulis itu pun sebagai membalas timbunan surat-suratnya kepada saya.

Said Nursi

KERDIPAN KEDUA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُ أَنِّي مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ﴿٦٨﴾

Terjemahannya: “Dan ingatlah kisah Nabi Ayub a.s., ketika dia berdoa kepada Tuhannya,” “Ya Tuhanku, sesungguhnya, aku telah ditimpa penyakit, padahal Engkau Tuhan Yang Maha Penyayang daripada semua yang penyayang.” (Al-Anbiya’ 21:83)

Munajat Nabi Ayub (Semoga keselamatan dilimpahkan kepadanya), pahlawan kesabaran, telah diuji dan terbukti mujarab. Berdasarkan ayat ini, kita seharusnya mengucapkan dalam munajat kita:

رَبِّى أَنَّى مَسَّنِيَ الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ

Terjemahannya: “Ya Tuhanku, sesungguhnya, aku telah ditimpa penyakit, padahal Engkau Tuhan Yang Maha Penyayang daripada semua yang penyayang.”

Walaupun menderita akibat banyak luka dan kudis untuk jangka waktu yang lama, baginda telah menahannya dengan kesabaran yang tinggi sambil memikirkan ganjaran besar yang akan diperolehi atas penyakitnya itu. Tetapi kemudian, ketika cacing-cacing yang muncul dari luka itu mula menembusi hati dan lidahnya, tempat mengingati dan mengenal Allah, baginda khatir tugas ibadahnya akan terganggu. Oleh karena itu, baginda bermunajat dengan doa

tersebut bukan untuk keselesaiannya sendiri, tetapi untuk tujuan ibadahnya kepada Ilahi.

“Wahai Tuhanku! Mudarat telah menimpaku, ingatanku kepada-Mu dengan lidahku dan ibadaku kepada-Mu dengan hatiku akan terjejas. Allah Yang Maha Kuasa kemudian menerima permohonan yang tulus, ikhlas, dan penuh kesolehan ini dengan cara yang paling menakjubkan dengan memberikan kesihatan yang sempurna kepada Nabi Ayub dan menzahirkan dalam diri baginda segala jenis kerahmatan-Nya. Penjelasan Kerdipan Cahaya ini terkandung dalam Lima Noktah:

NOKTAH PERTAMA

Penyakit-penyakit luaran Nabi Ayub a.s. adalah sebanding dengan penyakit-penyakit dalaman, rohani, dan hati kita. Jika keadaan dalaman kita dipalingkan ke luaran, dan keadaan luaran kita dipalingkan ke dalam, kita akan kelihatan lebih luka dan sakit daripada Nabi Ayub. Hal ini kerana setiap dosa yang kita lakukan dan setiap keraguan yang memasuki fikiran kita akan menyebabkan luka pada hati dan roh kita.

Keadaan luka yang dideritai oleh Nabi Ayub a.s. hanya mengancam kehidupan baginda di dunia yang singkat ini. Tetapi luka-luka maknawi yang kita alami ini akan mengancam kehidupan kita yang kekal abadi. Kita memerlukan munajat Nabi Ayub a.s. itu beribu kali ganda lebih daripada baginda sendiri. Sama seperti cacing-cacing yang timbul daripada luka-luka Nabi Ayub a.s yang telah menjangkiti hati dan lidah baginda; begitu juga, luka-luka yang timbul dari dosa-dosa dan was-was (syak), akan

menyelinap masuk ke dalam hati nurani yang merupakan tempat letaknya iman, lalu merosakkannya. Luka-luka tersebut juga meresap ke dalam keasyikan kerohanian dalam berzikir, yang merupakan penterjemah kepada keimanan, menjauhkannya daripada berzikir dengan kebencian yang menjijikkan dan seterusnya membuatnya tidak lagi berzikir.

Sesungguhnya dosa menembusi hati, menghitamkan dan membuatnya semakin keras sehingga cahaya iman itu akan hilang. Di dalam setiap dosa terdapat jalan menuju kekufuran. Jika dosa itu tidak dihapuskan segera dengan beristighfar, ia akan bertukar daripada seekor ulat menjadi ular yang sentiasa menggigit hati.

Sebagai contoh, seseorang yang melakukan dosa yang memalukan secara senyap-senyap akan berasa takut jika perkara itu diketahui orang lain. Ini menjadikan dia berasa berat untuk menerima hakikat kewujudan para malaikat dan makhluk-makhluk ghaib lainnya menyebabkan dia akan menggunakan alasan yang sangat remeh untuk menyangkal dengan bersungguh-sungguh akan kewujudan makhluk-makhluk tersebut.

Begitu juga seseorang yang melakukan dosa besar yang layak dibalas dengan seksa neraka jahanam. Setiap kali dia mendengar ancaman balasan, jika dia tidak menjadikan istighfar sebagai benteng, dengan sepenuh hati dia menyangkal kewujudan neraka. Ini dilakukan dengan alasan yang remeh dan keraguan yang kecil menjadikannya berani mengingkari kewujudan neraka jahanam itu.

Begitu juga dengan orang yang tidak mendirikan solat

fardu dan tanggungjawab ibadah yang diwajibkan ke atas dirinya. Dia akan berasa tertekan sebagaimana dia akan berasa tertekan apabila dia mengabaikan tanggungjawab yang ringan terhadap seorang pemerintah yang biasa. Oleh itu, kemalasan untuk memenuhi kewajiban ibadahnya terhadap arahan yang berulang kali daripada Pemerintah yang Azali dan Abadi, akan membuatnya sangat tertekan, sehingga dia berharap dan berkata: *“Alangkah baiknya sekiranya tidak ada kewajiban beribadah ini!”* Selanjutnya, akan wujud di dalam dirinya keinginan untuk menyangkal kewujudan Ilahi dan menimbulkan kebencian terhadap-Nya. Jika ada keraguan terhadap kewujudan Ilahi di dalam hatinya, maka dia akan terdorong untuk memegang alasan tersebut sebagai satu bukti yang kukuh. Oleh itu, akan dibuka di hadapannya suatu pintu yang luas menuju ke arah kehancuran. Orang yang malang ini tidak sedar bahawa keingkarannya akibat kemalasan melaksanakan ibadah itu telah menjadikan dirinya sasaran musibah yang besar yang jutaan kali lebih dahsyat. Ia ibarat orang yang cuba menghindari gigitan seekor serangga yang kecil, akhirnya menjadi mangsa gigitan seekor ular yang berbisa.

Ada banyak lagi contoh selain ketiga-tiga contoh yang dinyatakan di atas. Ayat al-Quran berikut menzahirkan akan rahsianya: **بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ** Terjemahannya: *“Bahkan apa yang mereka kerjakan itu telah menutupi hati mereka.”* (Al-Mutaffifin 83:14)

NOKTAH KEDUA

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Kalimat Kedua Puluh Enam mengenai qadar yang mana juga dikenali sebagai ketentuan, manusia tidak berhak mengadu atas musibah dan penyakit yang menimpa ke atasnya disebabkan tiga perkara berikut:

Pertama, Allah SWT telah menjadikan perhiasan yang membaluti tubuh kita sebagai cara memperlihatkan kesenian-Nya. Dia telah menjadikan manusia sebagai model di mana Dia memotong, menggunting, mengubah dan menukar pakaian tersebut pada badannya untuk mempamerkan pelbagai nama-nama-Nya. Sepertimana nama-Nya “*al-Shāfi*” (Maha Menyembuhkan) menuntut adanya penyakit, begitulah juga dengan nama-Nya “*ar-Razzāq*” (Maha Pemberi Rezeki), menuntut keberadaan rasa lapar. Begitu juga dengan nama-nama-Nya yang lain. Dialah Raja bagi Segala Pemilik Kekuasaan, membuat apa-apa sahaja ke atas segala yang dikuasai mengikut kehendak-Nya.

Kedua, melalui pelbagai musibah dan penyakit, kehidupan akan menjadi lebih murni, sempurna, kukuh dan maju; mendatangkan hasil, mencapai kesempurnaan dan memenuhi tujuannya. Kehidupan yang sentiasa dilalui dengan kesenangan dan keselesaan di atas sofa yang empuk sebenarnya lebih menyerupai kejahatan yang hakiki yang merupakan ketiadaan di sebalik kebaikan hakiki yang berada di dalam kehidupan; sebenarnya ia cenderung ke arah ketiadaan itu.

Ketiga, dunia adalah tempat ujian dan lapangan bagi kita membuat amal. Dunia bukanlah tempat untuk bersenang-lenang, mendapatkan ganjaran dan pembalasan. Dengan mengambil kira bahawa dunia ini adalah tempat berkhidmat, tempat beribadah, tempat adanya berbagai-bagai penyakit dan musibah, selagi mana semua perkara ini tidak memberi kesan kepada iman dan dapat dilalui dengan sabar, ia merupakan suatu khidmat dan ibadah, malah menguatkannya. Penyakit dan musibah yang dihadapi oleh seseorang itu sebenarnya menukarkan nilai setiap jam ibadahnya kepada seharian beribadah.

Ibadah terbahagi kepada dua, ibadah yang aktif dan ibadah yang pasif. Ibadah aktif adalah ibadah biasa sepertimana yang kita sedia maklum. Ibadah pasif pula ialah ibadah yang apabila seseorang ditimpa musibah atau penyakit, dia menyedari akan kelemahan dan keterbatasannya, dan seterusnya menghadapkan dirinya kepada Tuhan Yang Maha Pengasih (Rabbi Rahim), memohon perlindungan daripada-Nya, mengingati-Nya, merayu kepada-Nya, maka dengan ini akan membuatnya beribadah tanpa adanya sebarang riak yang dapat menembusinya. Jika dia mengharungi penderitaannya dengan sabar dan memikirkan ganjaran yang mendatang ke atas musibah yang menimpanya dan bersyukur, setiap jam yang dilaluinya akan dikira sebagai masa yang digunakan untuk seharian beribadah. Dengan ini kehidupannya yang singkat akan menjadi panjang. Terdapat beberapa keadaan di mana satu minit telah dikira bersamaan dengan seharian beribadah.

Pada satu ketika, aku merasa sangat bimbang disebabkan suatu penyakit yang dahsyat yang menimpa saudara

seakhiratku, Muhajir Hafiz Ahmed¹². Pada saat itu, satu peringatan terdetik di dalam hatiku. “*Ucapkan tahniah kepadanya!*” Setiap menit yang dilaluinya dikira setara dengan ibadah seharian. Sudah tentulah dia menghadapi penyakitnya itu dengan sabar dan bersyukur.

NOKTAH KETIGA

Seperti yang telah kami nyatakan pada satu atau dua tempat di dalam kitab al-Kalimat, apabila seseorang itu memikirkan kehidupannya yang lepas, dia akan mengatakan di dalam hatinya atau dengan lidahnya sama ada “Ah!” ataupun “Oh!”, iaitu sama ada melalui pengalaman yang menyesakannya atau dia akan berkata “Alhamdulillah (Segala puji bagi Allah)”. Penyesalan itu timbul akibat kesakitan yang muncul daripada hilangnya kenikmatan pada masa yang lepas dan perpisahan daripadanya. Hal ini kerana hilangnya kenikmatan itu sendiri merupakan suatu kesakitan. Kadangkala kenikmatan yang sekejap sahaja itu boleh mengakibatkan kesakitan yang berterusan. Apabila kita memikirkannya kembali, ia ibarat kita memotong satu luka yang akan menyebabkan darah penyesalan memancut keluar.

Adapun, bagi kenikmatan kerohanian yang berkekalan akibat daripada hilangnya kesakitan yang sementara yang

12. Muhājir Hāfiz Ahmad ialah seorang saudagar di Barla dan dalam kalangan pelajar Risālat al-Nur yang awal. Bediuzzaman tinggal di rumah tamu beliau setibanya di Barla, iaitu sebuah kampung yang terpencil di Isparta di Barat Selatan Turki yang menjadi tempat pembuangan daerah bagi beliau pada awal musim bunga, bulan Februari 1926, dan beliau telah membantu Bediuzzaman sepanjang lapan setengah tahun beliau berada di sana.

dialami pada masa lepas, ia akan menyebabkan seseorang itu mengucapkan “*Alhamdulillah (Segala puji-pujian bagi Allah)*”. Selain daripada kecenderungan fitrah manusia ini, sekiranya dia memikirkan akan natijah pahala yang akan timbul daripada musibah dan ganjaran yang akan menunggunya di akhirat nanti, dan jika dia sedar bahawa kehidupannya yang singkat akan dikira sebagai suatu kehidupan yang panjang akibat musibah tersebut, maka daripada hanya sekadar bersabar, dia sepatutnya bersyukur.

Dia sepatutnya mengucapkan, “*Segala puji bagi Allah atas setiap keadaan kecuali pada keadaan kekufuran dan kesesatan.*”

Terdapat ungkapan yang masyhur yang mengatakan: “*Masa malapetaka adalah lama*”. Ya, ia merupakan masa yang lama bukanlah kerana ia menyusahkan dan menyakitkan seperti yang dibayangkan oleh orang biasa, tetapi kerana ia menghasilkan hasil yang penting seperti kehidupan yang panjang.

NOKTAH KEEMPAT

Seperti yang dijelaskan dalam Hentian Pertama pada Kalimah Kedua Puluh Satu, kekuatan kesabaran yang dikurniakan Allah Yang Maha Kuasa kepada manusia adalah mencukupi untuk menghadapi segala musibah kecuali jika ia disia-siakan terhadap ketakutan yang tidak berasas. Namun disebabkan dikuasai oleh waham (ilusi), kealpaan manusia dan sangkaannya bahawa dunia sementara ini adalah kekal, dia mensia-siakan kekuatan kesabarannya pada masa lepas dan juga pada masa hadapan. Jika kesabarannya tidak setanding dengan musibah yang terjadi

pada masa kini, dan dia mula mengadu. Ia seolah-oleh seperti dia merungut terhadap Allah yang Maha Berkuasa kepada manusia (na'uzubillah). Dengan cara yang paling tidak adil dan bahkan gila, dia mengadu dan menunjukkan ketidaksabarannya. Jika hari yang ditimpa musibah telah berlalu dan kedukaan kini telah pergi, hanya ketenangan yang tersisa. Kesakitan telah hilang dan kenikmatan dalam kehilangan kesakitan itu yang tinggal; kesukaran telah berlalu dan hanya ganjaran pahala yang wujud.

Jika hari yang telah berlalu membawa malapetaka, kini kesedihan telah pergi, dan hanya ketenangan yang tersisa; kesakitan telah hilang dan kenikmatan dalam penghentian kesakitan itu masih ada; masalah telah pergi, dan ganjaran masih ada. Oleh itu, seseorang sepatutnya tidak mengadu tetapi bersyukur atas kenikmatan. Seseorang sepatutnya tidak mengeluh terhadap malapetaka, tetapi mencintainya. Kehidupan sementara di masa lalu dianggap sebagai kehidupan yang kekal dan diberkati kerana malapetaka. Oleh itu, seseorang itu tidaklah sepatutnya merungut atas musibahnya itu, tetapi dia sepatutnya bersyukur atas kenikmatan yang akan diterimanya nanti. Dia sepatutnya tidak mengeluh terhadap musibah yang menyimpannya itu, tetapi mencintainya. Kehidupan yang sementara pada masa lepas itu akan dikira sebagai suatu kehidupan abadi yang dirahmati disebabkan oleh musibah. Untuk memikirkan kesakitan yang telah berlalu dengan khayalannya sendiri dan kemudian mensia-siakan sebahagian kesabaran itu adalah suatu kegilaan.

Bagi hari-hari yang mendatang, kerana ia masih belum tiba, jika dia memikirkan tentang penyakit atau musibah

yang akan ditanggungnya itu pada masa sekarang dan menunjukkan ketidaksabarannya, adalah satu tindakan yang bodoh. Untuk berkata kepada diri sendiri “Esok atau lusa aku akan menjadi lapar dan dahaga” dan secara berterusan meminum air dan memakan roti hari ini adalah benar-benar suatu kegilaan. Begitu juga, memikirkan musibah dan penyakit yang mendatang, yang masih belum wujud, dengan menanggung penderitaan sebelum ia berlaku, menunjukkan ketidaksabaran dan menyiksa dirinya tanpa dipaksa, adalah suatu kebodohan yang nyata sehingga dia tidak layak disimpati dan dikasihani.

Secara ringkasnya, sama seperti syukur akan meningkatkan nikmat, begitu juga keluhan akan meningkatkan musibah dan menghilangkan segala punca kasih sayang. Semasa Perang Dunia Pertama dahulu, seorang yang diberkati dari Erzurum terkena penyakit kronik yang teruk. Tatkala aku mengunjunginya, dia mengadu dengan penuh kesedihan, “*Saya tidak dapat meletakkan kepala di atas bantal dan tidur selama seratus malam*”. Keluhannya membuatkan aku berasa sedih. Tiba-tiba, pada saat itu aku teringat dan berkata kepadanya:

“Saudaraku, seratus hari yang telah berlalu telah menjadi seperti seratus hari yang menggembirakan. Jangan memikirkannya dan mengeluh, tetapi renungi hari-hari tersebut dengan kesyukuran. Bagi hari-hari yang mendatang, oleh kerana ia belum tiba, letaklah kepercayaanmu kepada Tuhanmu Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Janganlah kau menangis sebelum dipukul, janganlah kau takut kepada perkara yang belum wujud dan janganlah engkau warnai dengan kewujudan

pada perkara yang tidak wujud. Fikirkanlah masa kini, kekuatan ketahanan kesabaranmu yang ada mampu bertahan untuk ketika ini. Jangan bertindak seperti seorang komandan yang gila yang mengharapkan bantuan di sayap kanannya daripada pasukan musuh yang membelot untuk menyertai dia dari sebelah kirinya, dan kemudian mulai menyebarkan pasukannya di tengah, ke kiri dan kanan sebelum musuh benar-benar menyertai dia di sebelah kanannya. Musuh kemudian menghancurkan kekuatannya yang ada di bahagian tengah, dengan sisa pasukan mereka dari bahagian kiri yang lemah, dengan kekuatan yang sangat kecil.. Saudaraku, janganlah engkau jadi sepertinya. Saudaraku, janganlah menjadi seperti komandan yang gila itu. Gerakkanlah semua kekuatanmu untuk ketika ini, dan fikirkan tentang rahmat Ilahi, ganjaran di akhirat, dan bagaimana kehidupanmu yang fana dan sementara ni sedang diubah menjadi kehidupan yang panjang dan kekal abadi. Daripada mengeluh dengan sedih, bersyukurlah dengan gembira.” Pesakit itu berasa lega lalu berkata, “Alhamdulillah, sakitku hanya terasa sepersepuluh daripada segala yang kurasakan sebelum ini.”

NOKTAH KELIMA

Noktah kelima ini mengandungi tiga perkara pokok.

Pertama: Pertama: Musibah sebenar dan berbahaya adalah musibah yang melibatkan agama. Dalam hal ini, seseorang sepatutnya sentiasa memohon perlindungan di hadapan singgahsana Ilahi dan merayu ke atas pertolongannya. Namun, musibah yang melibatkan agama sebenarnya bukanlah suatu musibah. Sebahagian daripada musibah

itu adalah merupakan peringatan daripada Yang Maha Mengasihani. Jika seorang penggembala melemparkan batu ke arah biri-birinya ketika melanggar ladang orang lain, mereka memahami bahawa batu itu dimaksudkan sebagai amaran untuk menyelamatkan mereka dari tindakan yang berbahaya; dengan penuh rasa syukur mereka berpatah balik. Begitulah juga dengan pelbagai musibah yang merupakan amaran dan teguran Ilahi, penebus dosa (kafarah) untuk manusia. Selain itu, musibah juga merupakan penebus dosa dan peringatan. Ia juga merupakan pelebur kelalaian manusia, mengingatkannya akan ketidakupayaan dan kelemahannya, lalu memberikannya suatu bentuk ketenangan. Adapun musibah yang berbentuk penyakit, sebagaimana yang telah dijelaskan, ia bukanlah musibah sama sekali, tetapi lebih merupakan anugerah Rabbani dan satu cara penyucian. Terdapat sebuah riwayat yang menyatakan: *“Sama seperti menggoncangkan pohon matang akan menjatuhkan buah-buahnya, demikian juga dosa-dosa akan gugur melalui getaran demam.”*¹³

Nabi Ayub a.s. dalam doanya tidak meminta penyelesaian untuk tubuh fiziknya, tetapi sebaliknya memohon kesembuhan agar dia dapat beribadah ketika penyakit menghalangnya dari berzikir dengan lisannya dan bertafakur mengingati Allah dalam hatinya. Dia memohon kesembuhan agar boleh melaksanakan ibadah. Begitulah apabila kita bermunajat, seharusnya kita lebih mengharapkan kesembuhan rohani dan luka-luka dalaman

13. Rujuk al-Bukhāri, al-Mardā 3. 13, 16: Muslim, al-Birr 45: Ibn Mājah, al-Adab 56: al-Dārimi, al-Riqāq 57: Musnad i, 381, 441, 455: iii, 152.

akibat melakukan dosa.

Maksud utama dari doa adalah untuk menyembuhkan penyakit dalaman dan luka-luka rohani yang berasal dari dosa-dosa kita. Ketika kita dihalang daripada beribadah akibat penyakit fizikal, kita boleh mencari perlindungan melalui doa. Namun, kita seharusnya memohon perlindungan dengan cara yang merendah diri dan memanjangkan doa, bukan dengan cara yang memprotes dan merungut. Jika kita menerima rububiyah Ilahi, maka kita juga harus menerima dengan reda segala yang Dia berikan dalam kedudukannya sebagai Tuhan. Mengecam qada dan qadar dengan cara menentang dan bersikap marah adalah seperti mengkritik takdir Ilahi dan menuduh Allah sebagai tidak mengasihani. Mengkritik takdir akan menyebabkan diri sendiri menderita, sementara menafikan rahmat Ilahi akan menyebabkan kita kehilangan rahmat itu sendiri. Menggunakan tangan yang sudah patah untuk membalas dendam hanya akan menyebabkan kecederaan yang lebih teruk kepada tangan tersebut. Demikian juga, seseorang yang ditimpa musibah, apabila dia menghadapinya dengan keluhan yang penuh dengan protes hanya akan melipatgandakan musibah itu sendiri.

Kedua: Jika kita membesar-besarkan penyakit fizikal yang kita alami, musibah itu akan menjadi besar dan jika kita memandang penyakit tersebut sebagai remeh, musibah itu akan mengecil dan berkurangan. Contohnya, mimpi yang muncul dalam pandangan seseorang pada malam hari. Jika dia memberikan perhatian padanya, mimpi itu akan menghantuinya; dan jika tidak, ia akan menghilang. Jika kita memandang penyakit itu sebagai musibah besar dan tenat,

maka musibah itu akan membesar. Jika kita memandang penyakit itu sebagai musibah besar dan memberi perhatian kepadanya, penyakit itu akan membesar dan menyebabkan kerisauan menyerang ke akar umbi hati melalui tubuh badannya. Hal ini juga akan menyebabkan penderitaan batin yang bersandar pada penderitaan fizikalnya dan akan terus berlanjutan. Namun, jika kerisauan itu dihilangkan melalui reda dan tawakal terhadap ketentuan Ilahi, musibah fizikal tersebut sedikit demi sedikit akan berkurangan, mengering dan lenyap, seumpama pohon yang akarnya terputus. Untuk menjelaskan hakikat ini, pada suatu waktu saya telah mengungkapkan kata-kata berikut;

Janganlah menangis di saat musibah, wahai si malang, datang dan bertawakallah kepada Allah!

Ketahuilah, ratapan itu akan menggandakan musibah dan adalah kesalahan yang besar.

Carilah Penghantar musibah itu dan ketahuilah ia adalah hadiah dalam suatu anugerah dan adalah suatu kebahagiaan.

Hentikanlah tangismu dan bersyukurlah seumpama burung bulbul, senyumlah dalam tangisanmu! Jika kamu tidak menemui-Nya, ketahuilah dunia ini adalah kesakitan dalam kesakitan, fana dan satu kerugian.

Ketahuilah, dunia dipenuhi dengan ujian. Mengapa menangis atas musibahmu yang kecil? Marilah berserah diri kepada takdir!

Bertawakallah! Senyumlah di hadapan musibah, nescaya musibah itupun akan turut tersenyum. Dalam

kesenyumannya, musibah itu mengecil dan akan berubah.

Sama seperti tersenyum di hadapan musuh yang hebat dalam pertempuran, kemarahan musuh akan berubah menjadi perasaan lembut, lalu permusuhannya tadi akan menjadi bahan yang diketawakan, mengecil dan hilang. Jika seseorang menghadapi musibah dengan bertawakal kepada-Nya, hasilnya akan serupa.

Ketiga: Setiap zaman ada ketetapan tertentu. Pada zaman sekarang yang penuh dengan kelalaian ini, musibah telah berubah bentuk. Pada zaman tertentu dan bagi orang tertentu, ujian sebenarnya bukanlah suatu bencana, akan tetapi ia merupakan sentuhan rahmat Ilahi. Kerana saya menganggap mereka yang ditimpa penyakit pada zaman ini sebagai orang yang beruntung - dengan syarat penyakit mereka tidak menjejaskan agama mereka - tidak terlintas dalam fikiran saya untuk menentang penyakit dan musibah tersebut, atau merasa kasihan terhadap mereka. Setiap kali aku bertemu dengan pemuda yang ditimpa penyakit, aku mendapati mereka ini lebih mengambil berat akan tanggungjawab agama dan akhirnya berbanding dengan pemuda lain yang sebaya dengannya. Oleh itu, aku menyimpulkan bahawa sesuatu penyakit bagi mereka ini bukanlah musibah, tetapi adalah satu pemberian nikmat daripada Allah SWT.

Benar bahawa penyakit menyebabkannya merasa kesulitan dalam kehidupan yang singkat, fana, dan duniawinya, tetapi ia bermanfaat untuk kehidupan abadinya. Ia harus dianggap sebagai suatu bentuk ibadah. “Jika dia sihat, dia tidak akan dapat mengekalkan keadaan

yang dinikmatinya semasa sakit, dan akan terjerumus dalam kelalaian akibat daripada kegopohan zaman muda dan keadaan kelalaian yang berlaku pada zaman ini.

PENUTUP

Allah yang Maha Kuasa telah menciptakan manusia dengan kelemahan dan kefakiran yang tidak terbatas, sebagai tanda kekuasaan dan rahmat-Nya yang tidak terhingga. Selanjutnya, untuk menunjukkan keindahan tak terbatas dari nama-nama-Nya, Dia menciptakan manusia seperti mesin yang mampu menerima pelbagai jenis kesakitan serta kenikmatan yang tidak terbatas. Dan di dalam mesin manusia terdapat berbagai-bagai alat yang bergerak. Setiap satu memiliki kesakitan yang berbeza, kenikmatan yang berbeza, tugas yang berbeza, dan ganjaran yang berbeza. Seperti yang dimanifestasi di dalam alam semesta ini yang merupakan makhluk besar, semua nama-nama Ilahi dimanifestasikan juga dalam diri manusia yang merupakan makhluk kecil. Perkara-perkara yang berfaedah seperti kesihatan yang baik, kesejahteraan, dan kenikmatan menyebabkan manusia bersyukur dan mengarahkan mesin manusia untuk menjalankan fungsinya dalam pelbagai aspek, dan dengan itu manusia menjadi seperti kilang yang menghasilkan kesyukuran.

Demikian juga, dengan musibah, penyakit, penderitaan, dan gangguan yang mendatang, mesin ini mengaktifkan dan menggerakkan bahagian-bahagiannya yang lain, memberikan stimulasi dan dorongan. Ia juga mengaktifkan kelemahan, kerapuhan dan kefakiran yang terkandung dalam fitrah diri manusia itu. Ia melahirkan situasi melalui permohonan dan bantuan setiap anggota badan, bukan dengan bahasa daripada satu anggota sahaja, tetapi melalui

bahasa daripada semua anggota badannya. Seolah-olah manusia melalui kejadian-kejadian tersebut, itu menjadi seperti pena yang bergerak, yang terdiri daripada ribuan pena yang berbeza. Di dalam lembaran kehidupannya atau di dalam Lauh Mahfuz, dia menulis perjalanan takdir hidupnya, mengungkapkan sebuah qasidah dirinya daripada nama-nama Ilahi. Oleh itu, dia telah melaksanakan tugas-tugas fitrahnya.

